



RM5.6 juta lonjak ekonomi petani



4

SMART Sewa: Pastikan rakyat miliki kediaman



5

Siapakah Gabenor Bank Negara baru?



7

KHAS SARAWAK Rumah mimpi milik?



10&11

## BERSATU DEMI PERUBAHAN

"Sesungguhnya masanya telah tiba bagi semua warga yang peduli untuk bertindak dan mencipta perubahan hakiki dan bermakna"

Menteri Besar,  
Dato' Seri Mohamed Azmin Ali

BERITA PENUH MUKA 2&3

## SELANGOR CYBER VALLEY KE ARAH SMART SELANGOR

- Nilai Pembangunan Kasar RM16.9 bilion dalam tempoh 20 tahun
- Elemen *Smart, Sustainable, Mobility, Green*
- Tawar 2,256 unit Rumah Selangorku
- Kemudahan jalinan ke beberapa lebuhraya
- Kawasan seluas 1,300 ekar

BERITA PENUH MUKA 3&10



Selamatkan Malaysia lakukan reformasi

# Anwar: Tukar seluruh sistem langkah terbaik



Anwar Ibrahim

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SEGAMBU** - Langkah terbaik menyelamatkan Malaysia adalah menukar seluruh sistem negara dan bukannya sekadar seorang individu sahaja, pesan Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pesanan Anwar itu disampaikan Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika berucap pada program Halaqah Ilmu, di kediamannya di Bukit Segambut pada 25 Februari lalu.

Katanya, Anwar juga mengingatkan masalah dihadapi negara ketika ini menekan rakyat dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk isu keadilan.

"Anwar kata, janganlah tetapkan jatuh seorang sahaja kita dapat perbaiki keadaan. Jangan katakan seorang dah jatuh sistem kita akan baik, tidak. Inilah yang kita laung-laungkan reformasi itu.

"Pada 1998, kita laung 'undur Mahathir', 'jatuh Mahathir' tetapi apa yang berlaku sekarang ini? Lagi teruk," katanya.

## Bentuk gabungan laksanakan pembaharuan politik

**SHAH ALAM** - Angkatan Muda KEADILAN (AMK) menyeru rundingan bersama semua pihak membentuk gabungan besar berhadapan dengan Kerajaan Persekutuan dipimpin Umno-Barisan Nasional (BN).

Timbalan Angkatan Muda KEADILAN, Dr Afif Bahardin, berkata gabungan itu perlu bersatu berpaksikan agenda perubahan mewujudkan kerajaan adil, amanah dan jujur serta demi menyelamatkan Malaysia.

Katanya, kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menun-

tut supaya reformasi sistem dilakukan harus menjadi suntikan semangat kepada anak muda seluruh negara.

"Tuntutan reformasi sistem ini adalah perjuangan panjang majoriti rakyat yang mahu menyaksikan perubahan. Krisis kepimpinan, ekonomi dan keyakinan berlaku ancaman masa depan negara dan kehidupan rakyat.

"Krisis negara hadapi sekarang bermula dengan masalah kepimpinan negara dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan akibatnya skandal 1MDB dan 'derma' RM 2.6 billion

mengakibatkan keyakinan rakyat terhadap institusi pemerintah berada di tahap kritikal," katanya.

Beliau berkata lebih parah ialah ketirisan, rasuah dan penyelewengan yang berterusan mengakibatkan negara bergelumang dengan masalah hutang dan pembaziran dana awam yang berleluasa.

"Keyakinan pelabur dan peneriaga merosot menambahkan kegawatan krisis ekonomi kian meruncing dan bukti kegagalan pemerintah mengatasi krisis," katanya dalam kenyataan pada 29 Februari lalu.

## Rakyat digesa bersatu tolak Najib

**SHAH ALAM** - Sebarang usaha untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak perlu disambut baik seluruh pihak demi kepentingan negara, kata Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin.

Mengenepikan sentimen perbezaan dan fahaman politik katanya, seluruh anggota masyarakat perlu bersatu bagi menghapuskan sistem pemerintahan yang bukan lagi memberi fokus kepada kebajikan rakyat.

"Dalam ketika negara harus diselamatkan, kita perlu bersatu untuk mengeluarkan Najib daripada sistem kerajaan yang ada sekarang.

"Kita memberi sokongan

pada usaha menggugurkan dan menggantikan Najib dan ia perlu disambut (oleh rakyat) kerana apa yang berlaku sekarang amat memalukan Malaysia," katanya kepada SelangorKini.

Pentadbiran Najib tidak lekap daripada pelbagai skandal dan penyelewengan memabatkan syarikat beban hutang, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bahkan media berpengaruh antarabangsa, Wall Street Journal (WSJ) mendedahkan Najib turut menerima sejumlah wang derma RM2.6 billion yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi dan diragui pendermanya.

Malah, Najib juga dilihat mengamalkan pentadbiran ala dikta-



Zuraida Kamaruddin

tor dengan menyingkirkan mana-mana pihak yang tidak senada dengannya, termasuklah bekas timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

## Tubuh Suruhanjaya Diraja siasat dakwaan Muhyiddin

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Diraja perlu ditubuhkan bagi menyasat dakwaan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkenaan kemasukan wang SRC International Sdn Bhd sebanyak RM42 juta ke akaun peribadi Perdana Menteri.

Ahli Parlimen Sepang, Hanipa Maidin, berkata ia susulan kenyataan Muhyiddin bahawa mantan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail mengesahkan kepadanya wujud perbuatan jenayah dilakukan Datuk Seri Najib Razak dalam kes terbabit.

Katanya, meskipun Gani masih enggan memberi sebarang komen terhadap pendedahan terbaru Muhyiddin itu, namun situasi berkenaan menunjukkan ada sesuatu tidak kena.

"Mengapa dalam keadaan wujudnya bukti dan keterangan kuat untuk mendakwa Perdana Menteri, tiba-tiba bukan sahaja beliau tidak didakwa, sebaliknya mantan Peguam Negara dan mantan Timbalan Perdana Menteri ditamatkan perkhidmatannya?"

"Adakah ada campur tangan daripada pihak tertentu sehingga pendakwaan ke atas Perdana

Adakah ada campur tangan daripada pihak tertentu sehingga pendakwaan ke atas Perdana Menteri tidak dilakukan?"

**HANIPA MAIDIN**  
Ahli Parlimen Sepang

Menteri tidak dilakukan?" katanya dalam kenyataan pada, 28 Februari lalu.

Bagaimanapun, Hanipa berkata, keraguan akan timbul jika polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyasat dakwaan itu.

Katanya, ia susulan hasil siasatan berkenaan akan dirujuk kepada Peguam Negara yang dilantik atas nasihat Perdana Menteri.

"Justeru, saya percaya perlunya satu badan lain yang benar-benar bebas dan telus selain polis dan SPRM untuk membuat siasatan pendedahan terbaru Muhyiddin supaya ia lebih telus, mendalam dan berkesan," katanya.

## Gerak pertemuan konsensus nasional

**SHAH ALAM** - Pertemuan memabatkan pimpinan Pakatan Harapan dengan penyertaan parti politik dan badan bukan kerajaan bakal digerakkan bagi membuat perbincangan ke arah penubuhan muafakat nasional.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata pelaksanaan agenda perubahan itu mengambil kira kesediaan pimpinan Umno-Barisan Nasional (BN) dalam usaha mereformasikan institusi pentadbiran negara.

"Memandangkan masalah kepimpinan serta skandal terus melanda negara tanpa henti, saya menggesa semua Ahli Parlimen tanpa mengira parti atau fahaman politik untuk bersama dalam usaha menyelamatkan Malaysia," katanya dalam kenyataan media pada 1 Mac lalu.

Beliau berkata, negara kini berada pada situasi kritikal ekoran sistem pentadbiran Perdana Menteri yang gagal dan memerlukan penyatuan semua pihak ke arah negara yang lebih baik.

"Maka semangat inilah yang perlu kita jiwai," katanya.

Pada masa sama, Wan Azizah

Saya menggesa semua Ahli Parlimen tanpa mengira parti atau fahaman politik untuk bersama dalam usaha untuk menyelamatkan Malaysia

**DR WAN AZIZAH**  
Ketua Pembangkang

berkata kelemahan sistem pentadbiran itu perlu ditukar sebagaimana ditekankan Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Anwar sebelum ini ada menyebut bahawa kita bukan sahaja mahu orang yang sekarang memegang jawatan Perdana Menteri ditukar, tetapi sistem bobrok dan penuh korupsi perlu direformasi dan diperbetul.

"Saya akan bertemu dengan pimpinan Pakatan Harapan serta parti politik lain, badan bukan kerajaan dan juga individu untuk membincangkan program asas yang dapat dijadikan panduan bersama di dalam konsensus atau muafakat nasional ini," katanya.



## Gelombang pembaharuan negara

## Ayuh, bersatu demi perubahan

**SHAH ALAM** - Semua pihak baik parti politik, organisasi masyarakat, pemimpin mahupun individu perlu bersatu sebagai rakyat prihatin demi menyelamatkan negara.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata masanya sudah tiba untuk rakyat bangkit atas perbezaan dengan hasrat mengambil alih tampuk kepimpinan negara yang lemah.

Katanya, rakyat tidak wajar menderita atas ketidakadilan berlaku di tangan pemimpin yang menyalahgunakan kuasa.

"Skandal kewangan, kegagalan institusi negara, sekatan ke atas hak dan kebebasan rakyat sehingga terbungkam nilai bersama yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan harus menjadi pendorong untuk menyatukan kita semua

demi melaksanakan reformasi.

"Rakyat tidak boleh lagi bertolak ansur dengan pelanggaran hak asasi, malah tidak wajar menderita atas ketidakadilan berlaku di tangan pemimpin yang menyalahgunakan kuasa.

"Mereka berhak mendapat kehidupan lebih baik," katanya dalam kenyataan pada 27 Februari lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut mengalu-alukan kenyataan tegas bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mendesak supaya berlaku reformasi dalam institusi negara.

Katanya, pendirian itu selaras dengan perjuangan KEADILAN, parti pembangkang dan masyarakat madani yang dianjurkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ikhtiar bersama ini per-

**Rakyat tidak boleh lagi bertolak ansur dengan pelanggaran hak asasi, malah tidak wajar menderita atas ketidakadilan berlaku di tangan pemimpin yang menyalahgunakan kuasa**

**MOHAMED AZMIN**  
Menteri Besar

lu dijadikan kenyataan demi mengembalikan negara di atas jalan demokrasi yang tulen.

"Kita masih belum terlambat untuk melakukan perubahan seperti mana Tan Sri Muhyiddin, hasrat dan cita-cita rakyat juga untuk merealisasikan sebuah kerajaan adil, amanah dan jujur.

"Ayuh, jangan menoleh lagi. Kita harus bersatu demi perubahan," katanya.



## Peduli lakukan perubahan total

**SHAH ALAM** - Rakyat tanpa mengira perbezaan politik, bangsa dan agama diseru untuk bersama-sama bagi semua warga yang peduli untuk bertindak dan mencipta perubahan hakiki dan bermakna.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ia susulan pengumuman Tun Dr Mahathir Mohamed keluar daripada Umno yang mana sebelum ini pernah membawa parti itu ke puncak kuasa memberi makna beliau akhirnya hilang harapan dengan partinya.

"Kita sedang menyaksikan gelombang perubahan dalam politik Malaysia.

"Tembok pemisahan dibina bertahun-tahun atas politik-

ing akhirnya runtuh," kata Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden KEADILAN dalam kenyataan media pada 29 Februari lalu.

Katanya, kesan dari tindakan Tun Mahathir yang mengejut tetapi berani tersebut masih belum sepenuhnya difahami.

"Namun, tidak dapat diragukan bahawa ianya akan mempunyai pengaruh yang besar dan pasti mempunyai dampak mendalam terhadap landskap politik negara," katanya.

Mohamed Azmin berkata, belum pernah semua institusi demokrasi berperlembagaan dinodai sebegini rupa dan itu kepada segala skandal kewangan berleluasa dengan pelaku-

nya bebas tanpa sebarang tindakan.

"Akibatnya, rakyat membayar harga yang amat mahal akibat dari jenayah rasuah dan salah guna kuasa di Putrajaya," katanya.

Sebelum ini, Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed mengisytiharkan keluar daripada Umno sebagai tanda protes terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak.

Tindakan itu adalah kali kedua Tun Mahathir keluar Umno yang mana beliau sebelum ini pernah dipecat daripada Umno pada 26 September 1969 dan keluar Umno semasa pentadbiran Tun Abdullah Badawi.

## Selangor Cyber Valley pemangkin bandar pintar



**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyarankan Selangor Cyber Valley yang dijenamakan semula oleh Perbandaran Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dibangunkan dengan elemen 'internet of things'.

Katanya, elemen itu selaras dengan gagasan Smart Selangor seterusnya menarik pelaburan baru.

"Keputusan PKNS ini sangat bertepatan kerana hari ini kita hadapi cabaran getir dan ia memerlukan kepimpinan tegas dan berani untuk bawa perubahan dengan idea baru dan bukan sekadar memperkukuhkan imej PKNS.

"Saya yakin kawasan ini menjadi mercu tanda kepada Selangor dengan memastikan pembangunan kawasan ini merangkumi ciri *smart city* kerana lokasi strategik berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan pelabuhan antarabangsa Westport," katanya di Majlis Penjenamaan Semula Taman Sains Selangor 2, di SACC, di sini.

Mohamed Azmin berkata

pembangunan Cyber Valley itu juga harus mempunyai lokaliti, kedudukan fizikal dan ciri-ciri unik secara holistik dengan dunia siber masa kini.

"Jarang sekali kita lihat aplikasi 'internet of things' dan pembangunan *smart city* serta *smart state* sebagai satu pendekatan baru yang akhirnya dapat menjamin kesejahteraan dan kemakmuran sebuah komuniti," katanya pada, 25 Februari lalu.

Beliau turut memuji usaha PKNS dalam usaha mencari peluang baru menambah pendapatan pelaburan untuk negeri.

"Selama ini kita terlalu bergantung pada pengurusan tanah sebagai sumber utama pendapatan negeri dan sudah tentu pendekatan ini tidak kekal dalam keadaan pembangunan di Selangor.

"Sudah menjadi tanggungjawab semua pihak sedaya upaya mencari sumber baru dengan menggunakan pendekatan 'internet of things'," katanya.

## Manfaatkan pemberian air percuma

**SABAK BERNAM** - Pemberian air percuma di Selangor perlu dimanfaatkan sebaiknya penduduk di negeri ini supaya jaminan perkhidmatan itu berterusan pada masa akan datang.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, ber-

kata ia susulan Kerajaan Negeri memperuntukkan jumlah besar bagi pelaksanaan skim itu.

"Isu air bukan perkara yang boleh dipandang ringan apatah lagi kita pernah menghadapi krisis air di Selangor sebelum ini.

"Saya kira kesedaran untuk masyarakat lebih menghargai air amatlah diperlukan supaya perkhidmatan ini akan terus memberikan manfaat yang baik buat kita semua," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan kempen 'Wuduk Sempurna Jimat Air' dalam Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) di Masjid Ijtima' Kampung Tebuk Pulaui dekat sini,

pada 26 Februari lalu.

Pelaksanaan kempen itu katanya bagi menyambut saranan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali supaya masyarakat lebih menghargai perkhidmatan itu.

Dalam pelancaran kempen itu, demonstrasi pengambilan air sembahyang secara minima berpanduan lunas syarak turut ditayangkan kepada umum sebagai kaedah mengelakkan pembaziran.

Rakyat Selangor kini menikmati 20 meter padu perkhidmatan air percuma yang memberi tumpuan kepada golongan sasaran termasuk pengguna berpendapatan rendah.





Bantu rakyat hadapi bebanan memuncak

# RM64 juta pengecualian cukai taksiran rumah kos rendah

OLEH SYASYA SUFIAN

**SUBANG JAYA** - Sebanyak RM64 juta pengecualian cukai taksiran diberikan Kerajaan Negeri di semua kediaman kos rendah di seluruh Selangor bagi meringankan bebanan rakyat.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baharu, Ean Yong Hian Wah, berkata pengecualian itu diberi selama setahun sebagai tanda usaha dan kepri-

hatinan kerajaan.

"Antara rumah menerima pengecualian ini adalah rumah dibeli dengan harga belian RM42,000 dan ke bawah dari pemaju termasuk program Rumah Selangorku Jenis A.

"Makluman kepada orang ramai dasar ini dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam tempoh setahun bagi 2016 sahaja," katanya sewaktu sidang media Pengecualian Pelaksanaan Cukai Taksiran bagi 2016 di kawasan pen-

tadbiran MPSJ.

Katanya, sebelum ini beliau menerima beberapa aduan daripada penduduk yang masih menerima bill cukai taksiran.

"Penduduk tidak perlu risau kerana pihak berkuasa tempatan (PBT) mengeluarkan notis di beberapa kawasan terlibat mereka tidak perlu menjelaskan cukai itu.

"Begitu juga kepada fi lesen penjaja turut diberi pengecualian tetapi penjaja masih perlu membuat permohonan dan per-

baharu lesen untuk berniaga," katanya.

Majlis Perbandaraya Subang Jaya (MPSJ) turut melaksanakan dasar pengecualian berkenaan di kawasan pentadbirannya bagi kategori rumah kos rendah dan rumah kampung.

Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Abdullah Marjunid, berkata bagi rumah dan pangsapuri kos rendah terdapat 36,205 unit diberi pengecualian dengan jumlah cukai taksiran sebanyak RM5.4 juta.

"Manakala untuk rumah kampung sebanyak 6,200 unit dengan jumlah cukai taksiran sebanyak RM693,526.95.

"Bil cukai diterima penduduk sebelum ini kerana bil itu dicitak pada Disember 2015 dan dihantar kepada penduduk, walaupun bagaimanapun kita menggantung banner memaklumkan berkenaan pengecualian ini tetapi penduduk masih perlu membayar cukai tunggakan bagi tahun-tahun lalu," katanya.

## RM5.6 juta tingkat ekonomi rakyat

**SHAH ALAM** - Peruntukan RM5.65 juta untuk pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak diharap membantu meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah kepada sederhana.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata RM18 juta diperuntukan kepada Jabatan Pertanian dan RM8 juta kepada Jabatan Veterinar bagi meningkatkan kualiti dan tahap program pertanian kepada penggunaan teknologi moden.

Katanya, dengan peruntukan terbabit ia bakal menaikkan taraf projek pertanian dan perladangan kepada petani dan pedagang.

"Kesan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta kenaikan tol dan tambang pengangkutan awam khususnya banyak berlaku di kalangan rakyat.

"Malahan kesan kenaikan tol dan pengangkutan awam mengakibatkan perbelanjaan isi rumah dalam kategori pengangkutan meningkat sehingga lebih 21 peratus," katanya.

Katanya, segala ditempuh rakyat mendapat perhatian Kerajaan Negeri dan dibincangkan dalam memberi perkhidmatan terbaik.

"Bagi golongan petani, pedagang, penternak dan nelayan mereka adalah sebahagian rakyat yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan sebahagian mereka mempunyai pendapatan bawah RM1,000," katanya dalam kenyataan pada 29 Februari lalu.

Zaidy berharap melalui bantuan terbabit, sedikit sebanyak

**Kerajaan Persekutuan sepatutnya melihat langkah Kerajaan Selangor ini dan wajar dicontohi dan bukannya menekan rakyat dengan menaikkan kos tertentu sehingga rakyat terbeban**

**ZAIDY ABD TALIB**  
Exco Pemodenan pertanian

dapat membantu golongan berpendapatan rendah meneruskan kehidupan.

"Air percuma 20 meter padu diberikan Kerajaan Negeri juga masih lagi diteruskan sedikit sebanyak mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup pada tahun ini.

"Bagi berhasrat membeli rumah, harga serendah RM42,000 boleh didapati melalui Rumah Selangorku selain bantuan sewa-beli, bantuan pinjaman serta perkhidmatan bas SMART Selangorku di beberapa kawasan bandar," katanya.

Beliau berkata Kerajaan Negeri sentiasa komited membantu rakyat dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup.

"Kerajaan Persekutuan sepatutnya melihat langkah Kerajaan Selangor ini dan wajar dicontohi dan bukannya menekan rakyat dengan menaikkan kos tertentu sehingga rakyat terbeban," katanya.

## Sabak Bernam diberi perhatian

**SHAH ALAM** - Pembangunan projek membabitkan 260 unit projek Rumah Selangorku bakal dilaksanakan di Taman Air Manis Perdana di sini bagi memastikan daerah itu turut diberikan perhatian.

Exco Perumahan, Penguasaan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad, berkata projek itu terdiri daripada 260 unit Rumah Selangorku berharga dari RM100,000 sehingga RM250,000.

"Ia juga membabitkan Hentian Rehat dan Rawat (R&R) dengan 10 buah gerai, stesen minyak, 67 unit kedai, rumah teres dan rumah bandar," katanya dalam kenyataan.

Iskandar menjangkakan projek itu menjadi projek penting apabila siap kerana kedudukannya di sebelah Lebuh raya Pantai Barat atau West Coast Expressway (WCE) yang bakal dibina.

"Kerja tanah sedang berjaja-



lan dan selesai pada bulan Jun tahun ini. Projek dijangka siap pada bulan Disember 2018.

"Pemaju projek ini adalah Permodalan Negeri Selangor

Berhad (PNSB)," katanya.

Beliau berkata projek itu dilaksanakan sendiri oleh PNSB dan bukan usahasama dengan mana-mana pihak.

## 3K pupuk integrasi 'Smart Selangor'

**SABAK BERNAM** - Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) adalah sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam memastikan masyarakat mendapat manfaat gagasan 'Smart Selangor'.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata program itu menggunakan pendekatan integrasi untuk diperluaskan ke seluruh negeri bagi menzahirkan rancangan Kerajaan Selangor.

"Fokus kepedulian seiring dalam gagasan dibawa Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin

Ali itu ditujukan kepada rakyat yang mana saya kira sebagai sebahagian tanggungjawab bersama tidak kira di peringkat kepimpinan negeri, kampung atau organisasi.

"Ia turut membawa mesej dalam usaha membangunkan umat Islam ke arah pembinaan negara baik mengikut acuan diajar walaupun wujud kepelbagaian anutan kaum dan agama," katanya ketika merasmikan karnival itu di Masjid Ijtima' Kampung Tebuk Pulaui dekat sini, pada 26 Februari lalu.

Dianggarkan lebih 300 hadirin memeriahkan karnival selama dua hari itu yang turut disertai Aduk Sabak, Sallehen Mukhyi.

Karnival yang mendapat kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) itu turut dimeriahkan dengan penyertaan beberapa agensi Merakyatkan Ekokomi Selangor (MES).

Sementara itu, Sallehen berkata, pelaksanaan karnival itu penting sebagai medium penyatuan ummah membabitkan kepimpinan negeri dan masyarakat.

"Program rangsangan penting bukan sekadar menggabungkan seluruh masyarakat bagi pembinaan kehidupan damai dan harmoni, tetapi boleh memberikan keberkatan kepada kita melahirkan masyarakat berilmu," katanya.



Pastikan pengangkutan awam diutamakan

# Pemaju hartanah dituntut sedia bas percuma

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Pemaju hartanah di Selangor dituntut menyediakan bas percuma Bas Smart Selangor dan kemudahan berkaitannya di kawasan pembangunan masing-masing.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkara itu akan dibincangkan dengan pemaju dalam memastikan penduduk kawasan terbabit tidak tercicir menerima manfaat berkenaan.

"Saya akan berjumpa dan berbincang dengan pemaju hartanah supaya mereka perlu menyediakan beberapa unit bas percuma untuk penduduk sekitar kawasan pembangunan mereka.

"Semua pemaju hartanah di negeri ini bersiap sedia untuk berbincang perkara ini. Kita perlu ingat keuntungan bukan untuk kita tetapi tanggungjawab sosial juga menjadi teras pengurusan ekonomi," katanya ketika Majlis Penjenamaan Semula Taman Sains Selangor 2, di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), di sini pada 25 Februari lalu.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, sebanyak 41 buah bas sedang disediakan di beberapa komuniti dan dijangkakan akan dapat merangkumi sembilan daerah sehingga Julai depan.

"Walaupun ia menelan kos besar tetapi sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri memberi kemudahan kepada rakyat," katanya.

Statistik sehingga November 2015 menunjukkan 452,000 sudah menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor sejak dilancarkan pada Julai tahun sama.

Sehingga kini Bas Smart Selangor sudah beroperasi di pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Bas Smart Selangor dilengkapi ciri kemudahan tempat duduk berkapasiti 60 penumpang, sistem maklumat penumpang, kemudahan Wifi dan mesra orang kelainan upaya (OKU).

## Exco 'terjah' pemaju langgar kontrak kerja tanah

**RAWANG** - Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib mengadakan lawatan mengejut ke sebuah tapak pembinaan dekat Taman Bandar Baru Kundang, di sini.

Beliau berkata, lawatan itu dibuat susulan kekerapan banjir di mukim Rawang akibat perlanggaran kerja-kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi.

"Melalui pemantauan ini diharapkan pemaju melakukan kesalahan dapat menjalankan langkah kawalan hakisan dan kelodakan segera dengan menghantar laporan kerja kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan terbabit pada 24 Februari lalu.

Dalam lawatan itu, beliau turut

mengenal pasti dua permasalahan membangkitkan sistem perparitan dan hakisan tanah yang membolehkan banjir berlaku di kawasan berkenaan.

"Dalam keadaan tidak hujan pun kita lihat hakisan dan aliran sungai tidak sempurna, bagaimana pula kalau hujan lebat?"

"Sebab itu kita agak keras terhadap masalah ini dan kalau tiada sebarang gerak kerja terhadap amaran ini, kompaun akan dikenakan kepada syarikat pemaju," katanya.

Beliau turut mengingatkan pemaju supaya mematuhi Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak seperti disyaratkan JPS melalui kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Projek perumahan Taman Bandar Baru Kundang diselia di bawah syarikat pemaju, Rawang Lakers

**Melalui pemantauan ini diharapkan pemaju melakukan kesalahan dapat menjalankan langkah kawalan hakisan dan kelodakan segera**

**Zaidy Abdul Talib**  
Exco Infrastruktur

Sdn Bhd dan peringkat kerja tanah di tapak itu bermula sejak tahun lalu.

Sementara itu, Pengarah Urusannya, David Soo Hoong Keong yang turut hadir ketika lawatan itu berjanji akan menyelesaikan permasalahan terbabit dengan kadar segera.



## 'Ops Lumpur' pantau aktiviti punca banjir

**RAWANG** - Sebarang aktiviti salah laku menyebabkan kejadian banjir di negeri ini akan dipantau pasukan khas, 'Ops Lumpur'.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata ia sebagai komitmen Kerajaan Negeri mengatasi masalah banjir menerusi Jawatankuasa Task Force Tebatan Banjir.

Katanya, pasukan itu mendapat kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor dan dianggotai pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

"Pasukan Ops Lumpur ditubuhkan untuk memantau aktiviti dianggap boleh menyebabkan

kejadian banjir dan pencemaran sungai," katanya selepas mengadakan lawatan di Tapak Pembinaan Rumah di Bandar Tasik Puteri di sini, pada 24 Februari lalu.

Sebelum ini, masalah sistem perparitan tidak diselenggara dengan baik didakwa menjadi penyebab pertambahan kawasan banjir di negeri ini.

Sehingga 2015, sebanyak 77 kawasan banjir dicatatkan dengan 95 kes direkodkan.

Penghujung tahun lalu juga menyaksikan banyak laporan banjir direkodkan di beberapa kawasan khususnya di Kuala Selangor yang dianggap sebagai banjir paling teruk sejak 20 tahun lalu.

Antara kawasan paling terjejas teruk adalah Kampung Parit Mahang, Kampung Seri Sentosa Batu 15 dan Puncak Alam.

## Smart Sewa atasi masalah miliki kediaman

**SHAH ALAM** - Masalah dihadapi golongan tidak mampu membeli kediaman sendiri ekoran kesulitan menyediakan wang pendahuluan bakal terjawab apabila Kerajaan Selangor melancarkan Skim Smart Sewa.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad, berkata skim terbabit membolehkan wang sewa rumah dibayar penyewa dikembalikan semula sekali gus membolehkan pihak terlibat menggunakan wang terbabit sebagai wang pendahuluan membeli rumah kediaman impian.

"Cara baru ini, mereka sewa rumah milik Kerajaan Negeri dengan kontrak dalam tempoh tertentu, tiga atau lima tahun dan kemudiannya sebahagian

sewa itu dipulangkan semula setelah tamat kontrak.

"Sebagai contoh, jika sewa RM500 atau RM700, mereka dapat semula sekitar RM150 atau mungkin RM300 dan didarab dengan berapa bulan tempoh sewa, dengan duit ini mereka boleh gunakan untuk pendahuluan beli rumah," katanya kepada SelangorKini pada 25 Februari lalu.

Bagaimanapun, Iskandar berkata ketika ini Kerajaan Negeri sedang mengkaji jumlah bayaran sewaan, tempoh kontrak dan peratus jumlah sewajarnya untuk dikembalikan.

"Kerajaan Negeri pada masa ini terus membeli unit rumah mampu milik untuk disewakan kepada golongan sasaran ini," katanya.





## Pusat Jagaan Kanak-Kanak Rohingya

## RM10,000 bela pelarian

OLEH: NORHAYATI UMOR

**SERI KEMBANGAN** - Sejumlah RM10,000 diserahkan Yayasan Kebajikan Klang kepada Pusat Jagaan Kanak-Kanak Rohingya bagi membela nasib mereka.

Bantuan diserahkan Presiden KEADILAN yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di sini, pada 24 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul dan Pengerusi Jawatankuasa Etnik Rohingya Aracan (ERCA) Rafique Khairul Bashar.

Selain itu, 134 kanak-kanak Rohingya yang menetap di situ turut menerima sumbangan beg sekolah.

Sementara itu, kanak-kanak Rohingnya, Mohamad Farouq, 13, berharap masyarakat di negara ini dapat memberi peluang kepada etniknya meneruskan kehidupan seharian.

"Saya gembira tinggal di sini, kami dapat belajar pelbagai pelajaran antaranya Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Al-Quran.

"Saya sendiri bercita-cita untuk menerus-



kan pelajaran ke peringkat lebih tinggi," katanya kepada SelangorKini

Bagaimanapun, Farouq yang sudah dua tahun tinggal di Malaysia mengakui dirinya sentiasa merindui keluarga tersayang.

"Saya datang sini naik kapal bersama lebih 700 orang dan terpaksa berpisah dengan keluarga serta hidup sebatang kara.

"Namun, kawan-kawan yang ada sekurang-kurangnya dapat mengubati ke-rinduan terhadap ibu bapa," katanya.

Difahamkan, pelajar etnik Rohingnya itu diambil setiap pagi di sekitar Klang, Bangi dan lain-lain kawasan sebelum dihantar ke Seri Kembangan untuk sesi persekolahan setiap hari.

## RM1 sehari bantu kanak-kanak Rohingya

**SERI KEMBANGAN** - KEADILAN melancarkan kempen derma RM1 sehari bagi membantu kanak-kanak pelarian Rohingnya di negara ini.

Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata mereka perlu dibantu dalam pelbagai aspek termasuk pendidikan dan sara diri.

"Kita tahu mengapa perkara ini berlaku ke atas mereka, bukan sebab agama tetapi politik itu gambaran jelas. Kita mahu mereka dibantu dengan memberikan pendidikan.

"Tanpa pendidikan akan mengundang lebih banyak masalah sosial. Ini juga satu pelaburan dalam negara," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di Pusat Jagaan Kanak-Kanak Rohingnya, di sini, pada 24 Februari lalu.

Wan Azizah berkata, kempen itu sekurang-kurangnya dapat membantu kanak-kanak terbabit mendapat kemudahan dan makanan baik.

"Kadang kala kita terlepas pandang, contohnya Ahli Parlimen Klang, Charles Santia-go memaklumkan mereka ini pernah ber-buka puasa dengan nasi dan garam sahaja.

"Itu sudah cukup menyayat hati," katanya.



## RM352,000 dana santuni masyarakat Gaza

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM352,000 dana bantuan berjaya dikumpul sejak Julai 2014 melalui *Selangor Humanitarian Fund* dalam Program 'Pray 4 Gaza' sebagai usaha kolektif dan inklusif bagi membantu krisis melanda penduduk Gaza ekoran serangan zionis Israel.

Exco Hal Ehwal Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata dana terbabit dibahagikan kepada lapan badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif menyalurkan bantuan kemanusiaan.

"Dana itu diagihkan kepada NGO terlibat sejumlah RM44,000 antaranya Muslim Care Malaysia, Cakna Palestin, Aman Palestin, Islamic Relief Malaysia, Tabung Gaza MAPIM, Yayasan Amal Cawangan Selangor dan Pertubuhan

Himpunan Lepasan Institut Pendidikan Malaysia (HALUAN).

"Ia bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu Palestin dan kemanusiaan sebagai saudara Islam yang punyai nilai kemanusiaan," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu Majlis Penyerahan Tabung *Selangor Humanitarian Fund* di Dataran Sakinah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), di sini, pada 29 Februari lalu.

Program itu adalah gerakan bersepadu melalui idea Majlis Usahawan Nasyid Malaysia (MUNSYID Malaysia) dan Nasyeed.com bersama lebih 100 artis menggerakannya daripada pelbagai sudut bantuan kemanusiaan bagi membantu mangsa serangan rejim zionis itu.

Program itu mendapat sokongan agensi kerajaan seperti

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Mufti Selangor dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

"Walaupun tabung ini dilancarkan khusus untuk isu Palestin, namun skopnya diperluaskan bagi semua isu kemanusiaan di luar mahupun dalam negara.

"Tabung *Selangor Humanitarian Fund* dalam proses naik taraf kepada 'Akaun Amanah' yang memainkan peranan lebih besar bukan sahaja menerima dan menguruskan dana tetapi memantapkan solidariti masyarakat prihatin," katanya.

Hadir sama, Mufti Selangor Dato' Setia Mohd Temyes Abdul Wahid dan Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ahmad Zaki Arshad.

## Lawatan ke Kelantan tingkat kerjasama

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor mengadakan lawatan rasmi ke Kelantan bagi membincangkan dan mengambil pendekatan dalam aspek pembangunan desa dan kampung tradisi.

Lawatan dua hari itu pada 15 dan 16 Februari lalu membabitkan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, Timbalan Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Azlina Abdul Aziz dan Penolong Pengarah UPEN, Nurul Asyikin Noridin.

Lawatan terbabit bermula dengan sesi pertemuan antara Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Dr Yunus berkata walaupun terdapat perbezaan pendapat terhadap struktur organisasi membabitkan setiap pembangunan kampung dan jawatankuasa antara kedua-dua

**Walaupun terdapat perbezaan, namun ada beberapa perkara yang boleh diambil manfaat oleh kedua-ke-dua pihak**

**DR AHMAD YUNUS**  
Exco Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi

negeri, namun sesi perbincangan berjalan lancar. "Walaupun terdapat perbezaan, namun ada beberapa perkara yang boleh diambil manfaat oleh kedua-ke-dua pihak," katanya dalam kenyataannya.

Delegasi terbabit turut berkesempatan ke Wisma Datuk Rusly di Wakaf Che Yeh membabitkan Institusi Kuliner Anjung Utara (ITKAU) dan Kolej Antrabangsa Inpens (INPENS).

Manakala, hari kedua delegasi berkesempatan melawat Perusahaan Industri Kecil Sederhana (IKS) dan Pusat Rawatan Stimulaterapi yang dikenali sebagai Laman Terapi Damaisuri.

Seramai sembilan peserta mengikuti kursus jangka sederhana di ITKAU, Kuala Kubu Bharu melalui program Pembangunan Usahawan Kampung Negeri Selangor diberi peluang untuk memahirkan diri dalam bidang Rawatan Stimulaterapi selama tiga bulan di pusat latihan itu.

Dr Yunus berharap usaha Kerajaan Kelantan membantu anak Selangor untuk menjadi usahawan diteruskan dari masa ke masa.

Selain itu, delegasi itu turut ke Kilang Mencanting Batik, pengusaha serunding dan dodol, melawat perusahaan pembuatan bahu, bihin dan tempyek secara tradisi.

Hadir sama wakil INPENS, Jefri Mejandan dan Solehah Yaakob serta Ketua Pegawai Eksekutif ITKAU, Datuk Rusly Abdullah.



Gabenor Baru Bank Negara Malaysia

# Sehebat Ismail, Abdul Aziz, Zeti

**GABENOR BANK NEGARA MALAYSIA**

- **Tan Sri William Howard Wilcock** 1959-1962
- **Tun Ismail Mohd Ali** 1962 -1980
- **Tan Sri Datuk Jaffar Hussein** 1985 - 1994
- **Tan Sri Ahmad Mohd Don** 1994 - 1998
- **Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman** 1998 - 2000
- **Tan Sri Abdul Aziz Taha** 1980-1985
- **Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz** 2000 - Kini

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Sikap tegas dan amanah dimiliki Allahyarham Tun Ismail Mohd Ali yang tiada tolok bandingannya ketika menjadi Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) wajar dijadikan kriteria pemilihan calon Gabenor yang baru.

Mantan Pengarah BNM, Dr Rosli Yaakob, berkata kriteria itu penting bagi membolehkan institusi itu bebas pengaruh politik atau pihak berkepentingan yang akhirnya merosakkan ekonomi dan kewangan negara.

"BNM harus bebas pengaruh politik atau pengaruh kerajaan memerintah di mana kriteria utamanya bukan dalam kalangan orang politik.

"Gabenor selayaknya berke-

lulusan tinggi serta pakar ekonomi, pengurusan kewangan, pengurusan bank dan seumpamanya, malah beliau mesti berhubungan dengan Tabung Kewangan Dunia (IMF), Bank Dunia dan bank lain.

"Justeru calon itu mesti memiliki standard antarabangsa dan dikenali masyarakat dan kementerian," katanya kepada SelangorKini.

Katanya, selain Ismail, Tan Sri Abdul Aziz Taha juga memiliki sikap sama sehingga sanggup meletakkan jawatan apabila mendapati wujudnya tekanan pihak tertentu yang mahukan BNM mengikut telunjuk mereka.

"Begitu juga dengan Tan Sri Jaffar Hussein dan Tan Sri Ahmad Mohd Don selepas itu yang memiliki kriteria diperlu-

kan seorang Gabenor BNM.

"Zeti pula memiliki sifat peribadi terpuji di samping mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PHD) di University of Pennsylvania dan juga anak kepada Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, seorang pakar ekonomi unggul di Malaysia.

"Beliau juga mempunyai nama dan hubungan antarabangsa yang cukup bagus, terkenal di peringkat kewangan antarabangsa, amanah serta mempunyai ketegasan melaksanakan dasar ekonomi negara," katanya.

Sebelum Ismail, Gabenor BNM yang pertama adalah Tan Sri W H Wilcock (1959-1962) di-datangkan dari Australia yang dipinjamkan Bank Dunia pada masa itu.

## Gabenor baru harus bebas politik

**SHAH ALAM** - Calon menggantikan Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) perlu bebas politik demi kepentingan imej dan integriti badan itu.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata BNM adalah institusi yang masih dipercayai rakyat, maka ia perlu bebas daripada sebarang pengaruh politik.

Katanya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Duta Malaysia ke Amerika, Datuk Dr Awang Adek Hussin dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah yang diura-urakan menjadi calon potensi menggantikan Zeti adalah tidak sesuai.

"Gabenor BNM baru mestilah berani dan tegas, adil, berpihak pada kebenaran dan berkemampuan seperti Zeti untuk melakukan perkara betul apabila berdepan isu seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan ekonomi mencabar," katanya dalam kenyataan pada 29 Februari lalu.

Katanya, PAS senada dengan kenyataan Zeti bahawa BNM perlu kekal sebagai badan be-

bas pengaruh politik yang bukan sekadar peringatan, tetapi amaran kepada kerajaan untuk melupakan kecenderungannya dalam mencabuli kebebasan BNM.

"Sehingga kini, Perdana Menteri masih tidak memberikan sebarang petanda beliau bersetuju dengan Zeti dalam perkara ini dan rakyat menanti jaminan bahawa BNM bebas daripada campur tangan politik.

"Jaminan ini penting bagi membina keyakinan pelabur luar dan integriti BNM terus dipertahankan," katanya.

## Ahli Umno dicabar ikut jejak Tun Mahathir

**SHAH ALAM** - Ahli Umno yang tidak lagi menyokong kepimpinan Presiden mereka dicabar untuk keluar daripada parti itu, kata Ahli Parlimen Serdang, Ong Kian Ming.

Beliau berkata, pengunduran Tun Dr Mahathir Mohamad daripada Umno menjadi penanda aras kepada ahli lain untuk terus membiarkan parti itu ditadbir Presiden yang gagal atau sebaliknya.

"Tun Mahathir membuat cabaran itu dan saya kira apa yang dilakukan beliau adalah wajar.

"Sekarang kita hanya perlu tunggu apa pula langkah yang diambil ahli lain termasuk Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz.

"Namun, bagi saya kepimpinan Umno tentunya tidak lakukan

perkara sama kerana mereka lebih pentingkan manfaat untuk diri sendiri," katanya ketika dihubungi SelangorKini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas pengunduran Mahathir buat kali kedua daripada Umno, atas alasan parti itu sudah tersasar daripada prinsip perjuangan asalnya.

Kata Mahathir, Umno kini hanya menjadi parti yang mempertahankan Najib yang terpalit dengan pelbagai skandal dan penyelewengan kewangan.

Bagaimanapun kata Kian Ming, pergolakan dalam Umno jelas menunjukkan parti itu berada dalam krisis kepimpinan buruk sekali gus mencerminkan kelemahan pentadbirannya.

## Tidak tepat dakwaan papan tanda Anwar hina mahkamah

**SHAH ALAM** - Tindakan Umno Selangor melabel pemasangan papan tanda memaparkan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai menghina keputusan mahkamah adalah tidak tepat.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Shuhaimi Shafiee, berkata Umno harus sedar Ketua Umum KEADILAN itu diiktiraf Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai tahanan politik.

Katanya, ia selaras dengan Pendapat No 22/2015 Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrari PBB (UN Working Group on Arbitrary Detention) (UN-WGAD) yang sebulat suara mendapati Anwar dipenjarakan secara haram dan me-

langgar undang undang.

"Penggunaan papan tanda itu dibenarkan pihak berkuasa tempatan (PBT), sementara logo parti menunjukkan pihak bertanggungjawab terhadap kempen mengajak rakyat menentang kezaliman dan menegak keadilan.

"Kerajaan Negeri melalui PBT juga tidak pernah menyekat papan tanda Umno-BN seperti yang ada di Sabak Bernam.

"Bahkan papan tanda dan iklan politik 1Azam berada di mana-mana di Selangor kerana kita percaya kepada kebebasan maklumat dan mempertahankan hak itu," katanya kepada SelangorKini pada 24

Februari lalu.

Terdahulu, Umno Selangor membuat laporan polis dengan mendakwa Selangor menghina keputusan mahkamah apabila melabel Anwar sebagai tahanan politik.

Shuhaimi berkata, SelangorKini bukan bersifat partisan kerana semua pihak diberi ruang hebahan.

"Bukan satu kesalahan juga apabila ia diletakkan di lokasi tumpuan ramai kerana ia sememangnya menjadi akhbar pilihan rakyat.

"Saya sarankan Umno-BN carilah isu lain yang hendak disensasikan kerana rakyat tidak mudah tertipu dengan propaganda sebegini," katanya.

## SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Lembaga Editorial CCSB  
**KETUA PENGARANG:** Cecelia Alphonsus  
**PENGARANG:** Nurul Farina Nazlan  
**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

**WARTAWAN:**  
 Hafizan Taib: hapizantab@mediaselangor.com,  
 Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,  
 Afiz Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,  
 Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,  
 Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,  
 Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com  
 Ermizi Muhamad : norazie@mediaselangor.com

**PENGURUS PEMASARAN & PENGIKLANAN:**  
 Budi Setyawan : budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

**JURUGAMBAR:** Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob  
**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor  
 Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com





## Wan Azizah lancar Halaqah Ilmu

**SEGAMPUT** - Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melancarkan Program Halaqah Ilmu Bukit Segambut bagi memperkukuhkan rohani perjuangan dalam kalangan ahli parti itu, pada 25 Februari lalu.

Wan Azizah berkata, perjuangan menegakkan keadilan tidak lengkap dengan program memantapkan kekuatan fizikal sahaja, tetapi perlu diterapkan kerohanian sekali gus melahirkan jentera yang mampu mendepani pelbagai cabaran dalam perjuangan.

"Kita sudah buat pelbagai perkara untuk gerakan fizikal, tetapi tidak mencukupi sekiranya tidak diterapkan dengan kerohanian.

"Malam ini adalah permulaan semula parti kita bahawa ilmu itu penting untuk semua dan perjuangan kita adalah berasaskan ilmu, amal, kerana Allah dan ikhlas," katanya ketika melancarkan program Halaqah Ilmu Bukit Segambut, di kediamannya di Bukit Segambut, di sini.

Sementara itu, Ketua KEADILAN Cabang Tanjung Karang, Yahya Saari, berkata program itu akan di-

adakan setiap hari Khamis terakhir setiap bulan dengan menampilkan tokoh agama dan ilmuwan lain.

"Kita berharap pimpinan dan ahli KEADILAN dapat meluangkan masa untuk datang bagi berkongsi ilmu disampaikan dan semoga dapat memantapkan diri kita dalam menghadapi cabaran dalam perjuangan," katanya di hadapan kira-kira 300 hadirin.

Terdahulu, majlis menampilkan Mudir Madrasah An-Nahdhoh, Pulau Pinang, Ustaz Abdul Mutalib Maarof sebagai penceramah minggu pertama.

## Halang akses berita

# Putrajaya takut media bebas

**SHAH ALAM** - KEADILAN mengesahkan tindakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang dilaporkan menghalang akses pengguna beberapa penyedia perkhidmatan internet (ISP) ke laman berita online The Malaysian Insider (TMI).

Pengarah Komunikasi KEADILAN, Fahmi Fadzil menyifatkan tindakan itu seperti kuku besi ekor an ia jelas melanggar Akta Jaminan MSC Malaysia yang antara lainnya menjamin tiada penapisan internet.

Pihaknya juga percaya, tindakan itu ada kaitannya dengan laporan agensi berita itu dalam isu "derma politik" RM2.6 bilion membabitkan pemimpin utama negara.

"Ia menjadi bukti Putrajaya takut pada media bebas, terutama media *online* yang tidak mudah didiamkan khusus berkenaan isu penting dalam negara.

"Malah, ia hanya mengukuhkan persepsi umum bahawa ada usaha untuk menghalang orang ramai daripada mendapat berita dan maklumat untuk perbin-

**Ia menjadi bukti Putrajaya takut pada media bebas, terutama media online yang tidak mudah didiamkan khusus mengenai isu-isu penting dalam negara**

**FAHMI FADZIL**  
Pengarah Komunikasi KEADILAN

cangan sihat di ruang awam demi masa depan negara," katanya dalam kenyataan pada 25 Februari lalu.

Fahmi juga percaya tindakan itu pasti mendatangkan kesan negatif terhadap kedudukan kebebasan media di Malaysia.

"Oleh itu, saya menggesa supaya Putrajaya mengkaji semula dan menarik balik halangan akses ini dengan segera," katanya.

## Langkah terdesak PM, sekat kebebasan media

**SHAH ALAM** - Sekatan terhadap portal The Malaysian Insider (TMI) membuktikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengambil langkah terdesak menyekat kebebasan media, kata Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Mengutuk tindakan itu, Timbalan Presiden KEADILAN itu berkata, kerajaan mencabuli sistem perlembagaan dengan menggunakan kuasa eksekutifnya untuk menakut-nakutkan media.

"Sayasecaranutlaknyamengutuk tindakan ini dan menyeru supaya kerajaan menarik balik sebarang sekatan terhadap media tanpa syarat.

"Ini satu lagi tindakan melulu kerajaan dalam menggunakan kuasa eksekutifnya secara berterusan yang jelas mencabuli prinsip perlembagaan," katanya dalam kenyataan.

Katanya lagi, tindakan itu juga hanya akan memburukkan lagi

imej negara di peringkat antarabangsa, selain terpalit dengan pelbagai korupsi dan skandal yang membelenggu Perdana Menteri.

"Kita sedang menyaksikan proses demokrasi negara ini sedang diruntuhkan yang akhirnya akan membawa imej negara ke tahap lebih buruk," katanya.

Semalam, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyekat laman portal itu melalui pembekal perkhidmatan internet Malaysia (ISP) atas sebab menyiarkan laporan berita dianggap memberi kesan kepada kestabilan negara.

Menurut SKMM, portal itu melanggar Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia berkaitan dengan penyalahgunaan rangkaian komunikasi.

Bagaimanapun, SKMM tidak memperincikan kandungan berita didakwa melanggar seksyen tersebut.

**1550SF • 2887SF**

**HAK MILIK KEKAL**

**KEHIDUPAN PERANGINAN**

**PERTAMA DI CHERAS**

- Diliputi 60% Kehijauan
- Berlanskap 4-ekar Dek Kehijauan
- 2 Kali Ganda dengan Konsep Dwi Kunci
- Dilengkapi 17 Jenis Kemudahan Rekreasi
- Trek Jogging / Denai Hutan 610M
- Kabana Terapung
- Kolam Renang 50M dengan Dek Terapung

• Lesen Pemaju: 12382-103-2018/371 (Tempoh Sah: 25/03/2013 - 24/03/2018) • Persekitaran dan Jualan: 12382-905-2016/01840 (Tempoh Sah: 14/05/2015 - 13/05/2016) • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Kajang • No. Kelulusan Pelan: H9KJ 6/9/16/2013 • Tarikh Siap: Jun 2016 • Pelepasan Tanah Berlesen • Bebanan Tanah: Dicagangkan kepada AFTN Bank Berhad • Jumlah Lot: 424\* • Jenis: A/B/C • Harga Minima: RM787,500 • Harga Maksima: RM1,818,850 • 7% Diskaun untuk Bumiputera • Sekatan Kepentingan Tanah: Tiada

**MITRALAND** **CHERAS SON BHD (989536-T)**  
D-27-01, Menara Mitraland No 12A, Jalan RUU 5/1, Kota Damansara, RUU 5, 47810 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan MALAYSIA  
General Line +603 7661 8688 | Fax +603 7661 8589 | enquiries@mitraland.com.my

012-3105050 | 012-9897181



Ekonomi lembab lonjak permintaan

# Rumah Selangorku terus laris

OLEH LIZAWATI MADFA

**SELAYANG** - Kelembapan ekonomi semasa melonjakkan permintaan pembinaan Rumah Mampu Milik Selangorku, kata Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Norzaton Aini Mohd Kassim.

Beliau berkata, majoriti pemaju mendakwa permintaan rumah mampu milik itu lebih tinggi berbanding rumah jenis lain.

"Sekarang pemaju mahu tumpu kepada pembinaan Rumah Selangorku sebab mereka tidak mahu tutup kedai dan mahukan pulangan dalam pelaburan mereka.

"Ada hikmah juga dengan ekonomi hari ini kerana memberi peluang rakyat Selangor memiliki rumah dengan harga mampu milik.

"Lebih banyak dibina, lebih banyak rumah, lebih banyak peluang," katanya pada program Skim Pengenalan Pengurusan Bangunan Strata (SKORA) di Sekolah Menengah Kebangsaan Ideal Heights di sini, pada 27 Februari lalu.

Katanya, sasaran pembinaan Rumah Selangorku 2015 berjaya dicapai dan menerima sambutan pembeli, namun kebanyakannya gagal mendapat kemudahan pinjaman bank.

"Kita ada Skim Dana Sel bagi peneroka bandar, namun belum ada program khusus lagi bagi mereka yang lain.

"Bagaimanapun, kita dalam proses rundingan dengan beberapa bank dan ada antaranya sanggup memberikan pinjaman dengan syarat beban hutang pinjaman rendah," katanya.



## Skim Perkongsian Keuntungan pupuk semangat daya saing

**SHAH ALAM** - Segi Value Holdings Sdn Bhd menawarkan Skim Perkongsian Keuntungan untuk memupuk semangat berdaya saing dalam pengurusan kakitangannya.

Pengarah Urusannya, Chui Ah Hock, berkata skim itu juga berupaya meningkatkan daya saing syarikat yang mementingkan produktiviti, kualiti barangan, kemudahan dan perkhidmatan kepada pelanggan.

"Pasaraya Borong SegiFresh sememangnya merancang untuk terus mengembangkan empayar dan sudah membuka dua pasar raya baru di Bukit Beruntung dan USJ 1, Subang Jaya," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan syarikat, Fong Leong, berkata penting bagi syarikat berkenaan memberikan sesuatu yang akan menggembirakan pekerja mereka.

Katanya, ia secara langsung membantu syarikat merealisasikan impian menjadi sebuah rangkaian pasar raya tempatan berjaya.

"Kita adalah satu-satunya syarikat tempatan di bawah sektor peruncitan yang menawarkan skim ganjaran seperti ini dan diyakini dapat mengurangkan kadar pemberhentian pekerja.

"Ia juga berupaya memberi peluang penjawatan kepada lebih ramai orang dengan menyertai syarikat kami," katanya.



## Selangor Cyber Valley jana GDV RM16.9 bilion

**SHAH ALAM** - Penjenamaan semula Taman Sains Selangor 2 (SSP2) kepada baru Selangor Cyber Valley dengan penekanan empat elemen *Smart, Sustainable, Mobility* dan *Green* diyakini mampu memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Md Azlan Alifiah, berkata menerusi usaha itu pihaknya menjangkakan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM16.9 bilion mampu dijana dalam tempoh 20 tahun.

"Penjenamaan semula ini diyakini menjadi pemangkin kepada kawasan sekeliling selain mampu memberi impak positif ke atas projek PKNS lain dengan sasar-

an lebih luas," katanya pada Majlis Penjenamaan Semula SSP2, di SACC, pada 25 Februari lalu.

Azlan berkata, bandar itu dirancang mengambil kira rangkaian perhubungan lebih luas, mempertingkatkan kadar penyediaan tenaga, air dan sistem pengurusan sisa.

"Penjenamaan ini bertepatan dengan hasrat PKNS melonjakkan pertumbuhan bandar baru milik PKNS seperti Kota Puteri.

"Pembangunan di sini juga tidak semata-mata berpaksikan kepada industri sains dan teknologi sebaliknya membabitkan pembangunan bercampur," katanya.

Selangor Cyber Valley terletak di kawasan seluas 1,300 ekar yang antaranya menempatkan syari-

kat Q-Cell Malaysia Sdn Bhd, projek kediaman Vega Residensi dan sekolah antarabangsa dari Korea.

Selain itu, perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi untuk pusat komersial dan residensi berupaya mengurangkan jurang digital selaras konsep pembangunan menekankan elemen 'work-live-play'.

Selangor Cyber Valley turut menawarkan 2,256 unit Rumah Selangorku yang mula dibangunkan tahun depan.

Ia turut mempunyai kemudahan jalinan ke beberapa lebuhraya seperti Lebuhraya Elite, Lembah Klang Selatan (SKVE) dan MEX serta hanya 15 minit ke Putrajaya dan Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA).

### JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Selangor Cyber Valley sasar GDV RM16.9 bilion	PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOMPLEKS PEJABAT PERTANIAN HULU SELANGOR DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DAERAH HULU SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN  Gred : G7/G6/G5/G4  Kategori : ME  Pengkhususan: E02, E04 & E11	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.  03/03/2016 (Khamis)  Sehingga 17/03/2016 (Khamis)	RM234.00  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  Pada: 24.03.2016 (Khamis)  Sebelum Pada Jam 12.00 tengahari.

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat didalam siji PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikhendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan siji-siji tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikhendaki membawa perakuan siji ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan)

\*Jenis Syarikat Tempatan:

A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.





### PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (Selangor State Development Corporation)

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Selangor atau ibu/bapa pemohon yang dilahirkan di Negeri Selangor yang berkeluarga bagi mengisi kekosongan jawatan di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor seperti berikut:-

BIL	JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI		
					Gaji RM	Minimum	Maksimum
1.	Jurutera Awam (Kontrak)	J41	Pengurusan & Profesional	Kejuruteraan	Gaji RM	2,360.00	8,743.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	225.00	
					Elaun ITKA	300.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
2.	Penolong Jurukukur (Kontrak)	JA29	Pelaksana	Kejuruteraan	Gaji RM	1,418.00	5,121.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	145.00	
					Elaun ITKA	160.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
3.	Penolong Akauntan (Kontrak)	W27	Pelaksana	Kewangan	Gaji RM	1,367.00	5,098.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	145.00	
					Elaun ITKA	160.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
4.	Penjaga Jentera Elektrik (Kontrak)	J17	Pelaksana	Kejuruteraan	Gaji RM	953.00	3,490.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	95.00	
					Elaun ITKA	115.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
5.	Pembantu Kemahiran (Kontrak)	H17	Pelaksana	Kemahiran	Gaji RM	953.00	3,375.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	95.00	
					Elaun ITKA	115.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
6.	Pembantu Tadbir (Kewangan) (Kontrak)	W17	Pelaksana	Kewangan	Gaji RM	929.00	3,377.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	95.00	
					Elaun ITKA	115.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
7.	Pembantu Setiausaha Pejabat (Kontrak)	N17	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan	Gaji RM	928.00	3,375.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	95.00	
					Elaun ITKA	115.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
8.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Kontrak)	N17	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan	Gaji RM	928.00	3,375.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	95.00	
					Elaun ITKA	115.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
9.	Pembantu Operasi (Kontrak)	N11	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan	Gaji RM	802.00	2,663.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	80.00	
					Elaun ITKA	95.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
10.	Penghantar Notis (Kontrak)	N11	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan	Gaji RM	802.00	2,663.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	80.00	
					Elaun ITKA	95.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
11.	Pemandu Kenderaan (Kontrak)	H11	Pelaksana	Perkhidmatan Kemahiran	Gaji RM	837.00	2,619.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	80.00	
					Elaun ITKA	95.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
12.	Pembantu Awam (Kontrak)	H11	Pelaksana	Perkhidmatan Kemahiran	Gaji RM	837.00	2,619.00
					Kadar Kenaikan		
					Gaji Tahunan	80.00	
					Elaun ITKA	95.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
13.	Pekerja Sambilan Harian	-	-	-	Kadar Upah (RM/Sehari)		54.00

#### 1. UMUR

Calon-calon mestilah tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

#### 2. SYARAT LANTIKAN

- i) Sila rujuk portal rasmi PKNS di alamat berikut : <http://www.pkns.gov.my>
- ii) Keutamaan diberikan kepada calon LELAKI.

#### 3. CARA MEMOHON

- i) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang dimuat turun melalui laman web <http://www.pkns.gov.my>.
- ii) Semua permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan pemohon, salinan kad pengenalan ibu bapa serta sijil lahir pemohon, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
- iii) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dihendaki mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- iv) Permohonan yang tidak diisi dengan lengkap akan ditolak.
- v) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh tutup dianggap TIDAK BERJAYA.

#### 4. ALAMAT PERMOHONAN :

Pengurus Sumber Manusia  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
Tingkat 2, Menara HPAIC Laman Seri Business Park, No.7 Persiaran Sukan Seksyen 13, 40100 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

#### 5. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup iklan ialah pada 14 Mac 2016 (Isnin).

### Selangor mampu milik

# Sarawak rumah mimpi milik

OLEH LIZAWATI MADFA

Ummu mengetahui rakyat di luar Semenanjung seperti Sarawak kurang memperoleh pelbagai kemudahan dan peluang sepertimana rakyat di tanah besar di sini, apalagi Selangor.

Bukan sahaja daripada segi pembangunan dan infrastruktur, malahan peluang memiliki kediaman di bumi Kenyalang itu juga dilihat sukar.

Walaupun Kementerian Perumahan Sarawak menerusi Perbadanan Perumahan Negeri Sarawak (HDC) menganjurkan beberapa program perumahan, usaha itu dilihat masih belum membantu rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri.

Pada November 2015 lalu, Menteri Perumahan dan Pelancongan Negeri Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg mendedahkan sebuah rumah teres dua tingkat di Kuching dijual pada harga RM550,000 seunit manakala di Bintulu pula berharga RM655,000.

Dengan harga sebegini tinggi, rakyat Sarawak pastinya berhadapan masalah untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan.

Berbeza di Selangor, Kerajaan Negeri bukan sahaja merangka pelbagai program perumahan, malah berjaya merealisasikan impian rakyat terutama berpendapatan rendah memiliki kediaman pertama.

Pada pembentangan Belanjawan Selangor 2016 lalu, Menteri Besar, Datu' Seri Mohamed Azmin Ali mengumumkan RM150.9 juta bagi pembangunan ekonomi termasuk pelaksanaan projek pembangunan Rumah Selangorku dengan dana RM100 juta bagi tempoh lima tahun bermula 2016.

Katanya, RM20 juta daripada jumlah itu disalurkan menerusi Tabung Pemulihan Projek Terbangkalai (TEPAT) untuk menyelaras kerja pemulihan seterusnya memastikan nasib pembeli projek rumah terbangkalai dapat dipedulikan.

Sementara itu, golongan tidak layak mendapatkan pinjaman bank turut dibantu menerusi Skim Dana-Sel dengan peruntukan RM10 juta menerusi konsep sewa-beli.

Skim berkenaan membolehkan mereka tinggal dan memiliki rumah itu sehingga bayaran sewa bulanan dapat menampung harga rumah.

Turut diperkenalkan ialah program Selangor Smart Home Buyers bagi membantu rakyat memiliki rumah pertama dengan Kerajaan Negeri mendahulukan pembayaran 10 peratus deposit.

Di bawah skim ini, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) memegang sebahagian milikan rumah dan ia hanya boleh dilepaskan melalui bayaran balik kepada kerajaan.

Terbaru, Pengarah Eksekutifnya, Norzaton Aini Mohd Kassim juga mengesahkan sasaran 15,000 unit pembinaan Rumah Selangorku menepati sasaran, malahan mencecah 18,000 unit pada 2015.

Beliau berkata, pihaknya terus menerima permintaan tinggi pemaju swasta membangunkan Rumah Selangorku sekaligus dengan jangkaan kelembapan ekonomi bagi 2016.

Selain projek pembinaan rumah mampu milik, Kerajaan Negeri masih rancang menyerahkan Notis 5A dalam usaha memastikan rakyat memiliki tanah sendiri.

Dengan bayaran premium serendah RM1,000, usaha sejak 2008 itu membolehkan lebih 10,000 rakyat Selangor kini menjadi pemilik sah tanah yang didiami.

Ternyata, pilihan rakyat negeri ini menukar kepemimpinan negeri lapan tahun lalu membawa banyak manfaat dalam pelbagai aspek terutama perumahan.

Mungkin, jika parti terdahulu masih memerintah, ribuan rakyat Selangor masih lagi menumpang di atas tanah sendiri dan terus menyewa kediaman serta dinafikan hak serta keperluan memiliki kediaman.







Masalah banjir berterusan

# Selangor paling pantas bantu

**KUCHING** - Setiap kali berlaku musibah atau bencana tidak kira di mana sekalipun, Selangor paling pantas menghulurkan bantuan.

Pengarah Operasi Banjir KEADILAN Sarawak, See Chee How, berkata keprihatinan Kerajaan Selangor tidak boleh dinafikan, malah negeri itu sentiasa peka terhadap situasi semasa.

"Kerajaan Selangor memang kerap menghulurkan bantuan ketika banjir, malah menjadi negeri pertama yang tiba menghulurkan bantuan.

"Mereka sentiasa bersedia tidak kira masa, saya amat berterima kasih atas segala khidmat dan sumbangan diberikan," katanya kepada SelangorKini.

Pada 24 Februari lalu, Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS) tiba di Kuching untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir yang terlibat di 21 daerah di kawasan itu.

Kawasan paling terjejas teruk adalah Kampung Bunuk membabitkan 147 keluarga dan kerja-kerja pembersihan giat dilakukan setiap hari.

## Sarawak perlu proaktif

**PETALING JAYA** - Kerajaan Sarawak perlu lebih proaktif menangani masalah banjir yang melanda negeri Bumi Kenyalang itu ketika ini.

Naib Ketua Wanita KEADILAN Pusat, Dr Darayah Alwi, berkata sebagai sebuah negeri kaya, Sarawak seharusnya peka terhadap nasib rakyat dan bantuan diperlukan.

"Saya menyeru Kerajaan Sarawak untuk lebih prihatin dan bertanggungjawab dalam isu banjir di negeri itu," katanya ke-

pada SelangorKini.

Pada masa sama, Darayah yang juga Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga berkata, peruntukan RM40,000 daripada Kerajaan Selangor diharapkan dapat meringankan beban penduduk.

"Sudah tentu nilai ini tidak cukup, namun Kerajaan Negeri prihatin untuk menghulurkan bantuan.

"Kita hantar Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS) ke Sarawak bagi membantu penduduk yang terjejas akibat banjir," katanya.



## RM40,000 bantu Sarawak

**KUCHING** - Sesuai dengan jolokan negeri prihatin, Kerajaan Selangor meluluskan RM40,000 bagi membantu mangsa banjir di beberapa daerah di Sarawak.

Pengerusi Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS), Hamsah Djabir, berkata pihaknya sudah menjalankan kerja pembersihan sejak 24 Februari lalu dan menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di beberapa lokasi di Kuching.

"Minggu lalu kita lihat paras air cukup tinggi ekoran kediaman penduduk kebanyakannya berhampiran kawasan sungai.

"Kami turut menjalankan tinjauan untuk mengetahui keperluan penduduk melalui peruntukan yang diluluskan Exco Kebajikan Selangor," katanya.

Antara kawasan yang dilawati adalah Dewan Masyarakat Serian, Kampung Munggu Limo, Kampung Hilir, Kampung Hulu, Kampung Hulu Serian dan Kampung Tebakang Bidayuh.

Sementara itu, seorang penduduk dikenali sebagai Haji Loloq, berkata pihaknya berdukacita atas insiden terabait, namun redha atas ketetapan ilahi.

"Kami merasa dukacita, na-



**Kami turut menjalankan tinjauan untuk mengetahui keperluan penduduk melalui peruntukan yang diluluskan Exco Kebajikan Selangor**

**HAMSAH DJABIR**  
Pengerusi PANTAS

mun masalah banjir memang kerap berlaku di kawasan ini.

"Bagaimanapun, kami amat berterima kasih atas bantuan diberikan Kerajaan Selangor yang kerap menghulurkan sumbangan jika berlaku musibah," katanya.



## 390 keluarga terima bantuan

Kawasan	Jumlah mangsa (keluarga)
Kampung Tebakang Bidayuh	60
Serian Hulu dan Hilir	40
Kampung Gita Lama	100
Kampung Keranji	30
Kampung Blimbun	70
Kampung Bijuray	30
Bratan Usan	70
Kampung Tringgus	10
Kampung Bratan	70
Kampung Tebuan Dayak	120
Kampung Lander	50

**KUCHING** - Seramai 390 keluarga mangsa banjir di beberapa daerah di Kuching menerima sumbangan keperluan harian daripada Kerajaan Selangor.

Pengerusi Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS), Hamsah Djabir, berkata bantuan itu diagihkan melalui peruntukan Exco Kebajikan, Dr Darayah Alwi di beberapa kawasan mengalami banjir teruk.

"Tinjauan PANTAS men-

dapati 80 peratus penduduk menetap berhampiran kawasan sungai berisiko tinggi dilanda banjir.

"Sistem perparitan perlu dinaik taraf, pembesaran longkang serta penyusunan semula penempatan harus dilakukan bagi mengelakkan banjir," katanya.

Katanya, misi bantuan selama seminggu itu menghulurkan khidmat kepada semua mangsa tanpa mengira kaum mahupun fahaman politik.





01



02



03



06



05



04



07



08



09

**01**  
ADN Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz merasmikan Pusat Informasi JKKK Ampang Campuran yang bakal menempatkan pelbagai maklumat berkenaan program Kerajaan Selangor

**02**  
Ahli Parlimen Subang, Sivarasu Rasiah bergambar kenangan bersama Pelajar Cermerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2015 DUN Kota Damansara, Subang di Auditorium Hevea RRM

**03**  
ADN Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan menghadiri Program Kursus Asas Kek secara kukus dan bakar anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN itu di Balairaya JKKK Sungai Pelek

**04**  
ADN Seri Andalas, Dr Xavier Jayakumar menyerahkan sumbangan ehsan kepada mangsa banjir kilat di Taman Maznah Klang

**05**  
Ahli Parlimen Selangor, William Leong meluangkan masa bertemu peniaga di Pasar Selayang Baru untuk mendengar dan menyelesaikan masalah mereka

**06**  
ADN Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridwan menyerahkan sumbangan kepada anak yatim dan meraikan sambutan Maulidil Rasul masyarakat Aceh di Dewan Kerdas 4, Gombak

**07**  
ADN Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan meluangkan masa bersantai dan beramah mesra bersama pelajar Giatmara Kota Damansara

**08**  
Ahli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin menyerahkan basucar, Jom Shopping kepada salah seorang peserta di Giant Seni Kembangan ke Sekolah Rendah Agama Banting





Pendidikan diperkasa merakyatkan informasi

# Merealisasi agenda rakyat bijak

## Q&A

**P**emeriksaan program pendidikan dan pembangunan insurans terus diberikan perhatian khusus Kerajaan Selangor melalui peruntukan besar dalam Belanjawan 2016. Matlamatnya adalah memastikan rakyat mendapat program pendidikan yang cemerlang.

Malah turut diberi keutamaan adalah mengurangkan jurang digital antara bandar dan luar bandar melalui program Wifi Smart Selangor. Program dilaksanakan di harap meningkatkan penembusan maklumat serta menjadikan rakyat mempunyai kemudahan internet terbaik.

Untuk menelusuri lagi program di bawah portfolio Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Teknologi dan Inovasi, wartawan SelangorKini **NORHAYATI UMOR** menebual Exconya, **NIK NAZMI NIK AHMAD** bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

### Wifi Smart Selangor percuma demi kemudahan rakyat

**Berkenaan program Wifi Smart Selangor yang disediakan Kerajaan Negeri, bagaimanakah peruntukan pada 2016 dan apakah penambah baikan yang bakal dilaksanakan?**

Setakat ini kita tiada tambahan. Kita kekalkan seperti yang dinyatakan pada 2015 iaitu sebanyak 2,500 lokasi. Kita dapat maklum balas daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), pejabat daerah, Ahli Dewan Negeri (ADN) berkenaan lokasi yang diminta dan kita lihat kesesuaian pemasangan itu.

### Bagaimana dengan aduan diterima sepanjang Wifi Smart Selangorku dilancarkan?

Kebiasanya aduan membabitkan kelajuan internet yang disediakan. Biasanya kita akan siasat pihak vendor kita iaitu Telekom Malaysia (TM) dan Celcom dengan meminta mereka turun ke lapangan untuk melihat bagaimana situasi di sana.

### Adakah ia pencapaian terbaik sepanjang dilaksanakan dan apakah YB sendiri berpuas hati dengan perkhidmatan disediakan?

Umumnya saya berpuas hati kerana dengan masa yang cukup singkat, kita dapat menjayakannya. Dahulu hanya ada 112 hotspot di seluruh Selangor di bawah program Kerajaan Negeri dan kita berjaya meningkatkannya kepada 2,500 kawasan sepanjang tempoh setahun. Bagi saya ia satu pencapaian sangat baik.

### Bagaimanakah dengan maklum balas diterima dalam menyediakan perkhidmatan Wifi Smart Selangorku?

Umumnya positif, ramai menyambut baik berkenaan perkara ini dan ia sebagai visi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Selangor sebagai Smart Selangor. Jadi maklum balasnya memang positif daripada pengguna dan rakyat.

### Seerti dikatakan tahun ini Kerajaan Negeri tidak menambah kawasan hotspot Wifi, jadi bilakah ia bakal ditambah?

Itu kita lihat dulu keadaan di 2,500 kawasan ini dan jika ditambah untuk tahun akan datang, ia mesti bergantung kepada kesesuaian.

### Berapa ramai pengguna yang mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini?

### Dahulu hanya ada 112 hotspot di seluruh Selangor di bawah program Kerajaan Negeri dan kita berjaya meningkatkannya kepada 2,500 kawasan sepanjang tempoh setahun. Bagi saya ia satu pencapaian sangat baik

Buat masa ini kita tiada jumlah khusus untuk mengesahkannya, namun kita akan dapatkan. Apa yang boleh dikatakan, kebanyakan kawasan di Selangor ini mendapat tumpuan awam untuk perkhidmatan berkenaan.

### Memperkasa agenda pendidikan

### Menyentuh soal agenda pendidikan di Selangor, bagaimanakah usaha Kerajaan Negeri memantapkan pemerkasaan pendidikan?

Pendidikan seperti sedia maklum adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, jadi kita

hanya boleh membantu atau memberi sokongan antara lain dengan memperlempangkan daripada sudut memberi sumbangan pada sektor Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC), Sekolah Persendirian Cina dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM16 juta kepada sekolah ini bagi menyediakan dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur. Itu adalah program utama yang disediakan Kerajaan Negeri.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga menyediakan elaun sebanyak RM1,500 untuk guru KAFA yang ada di Selangor.

### Pembangunan UNISEL dan KUIS ke arah kecemerlangan

### Kalau dilihat banyak peruntukan disalurkan kepada Universiti Selangor (UNISEL), sama ada untuk membaiki pulih asrama dan lain-lain. Bagaimanakah dengan perancangan 2016?

Kita ada menerima cadangan daripada UNISEL, jadi kita sedang meneliti dan melihat kemampuan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan perkara terbabit. Tetapi kita memang meletakkan kebajikan dan kualiti pendidikan

di UNISEL sebagai satu perkara yang perlu ditekan.

### Pemintaan itu membabitkan aspek bagaimana?

Pemintaan daripada segi kos pembangunan di UNISEL di mana ia adalah pelbagai, antaranya membaiki pulih kampus, menaiktaraf sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan sebagainya. Jadi, kita sedang meneliti perkara itu.

### Bagaimana dengan program Brain Bank? Jika dilihat, Kerajaan Negeri memperuntukkan jumlah besar dan bisiswa RM 10 juta melalui Tabung Amanah. Apakah perkembangannya?

Brain Bank ini adalah program biasiswa ke luar negara untuk 10 biasiswa Doktor Falsafah (PHD), jadi kita bakal menghantar mereka ke universiti luar negara dalam bidang kritikal.

Sementara itu, bagi program biasiswa Selangorku, itu adalah biasiswa yang disediakan untuk pelajar Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan UNISEL yang mana peruntukan sebanyak RM10 juta setiap tahun.

### Apakah sasaran pelajar menerima faedah daripada program Brain Bank?



Ini adalah program kali pertama kita lancarkan dan disebabkan ia membolehkan program luar negara dengan peruntukan RM5 juta, kita mensasarkan lima pelajar menikmati faedah ini.

#### Bagaimana dengan pemilihan? Adakah hanya pelajar KUIS dan UNISEL sahaja?

Kita sedang memperincikan program ini. Buat masa ini kita belum memilih pelajar yang bakal ditaja. Program ini terbuka kepada semua tidak hanya pelajar KUIS atau Unisel.

#### Biasiswa RM10 juta, setakat ini bagaimanakah sambutan dan permintaan pelajar dalam program itu?

Tahun ini adalah tahun pertama pelaksanaan program biasiswa itu, kita tahu permintaannya cukup tinggi dengan pemotongan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi (PTPTN), begitu juga dengan pinjaman lain yang dahulu ada sekarang sudah tiada. Disebabkan itu Kerajaan Negeri cuba membantu meringankan beban dengan menyediakan program berkenaan. Proses pemilihan biasiswa ini akan dimulakan secepat mungkin.

**Bagi saya KUIS tidak ketinggalan. Malah bagi saya banyak program mereka mendapat dokongan daripada Kerajaan Negeri melalui pejabat saya sendiri seperti seminar dan sebagainya**

#### Program Sara Diri Anak Selangor bantu graduan

#### Bagaimana dengan program sara diri anak Selangor?

Kita sudah mulakan program itu tahun lalu dengan menerima sekitar 300 pelajar, mungkin ramai yang masih tidak tahu, jadi kita anggarkan tahun ini akan lebih ramai menikmati program tersebut.

#### Boleh terangkan berkenaan program Boot Camp dengan lebih terperinci?

Program ini adalah program persediaan graduan untuk melengkapkan mereka masuk ke sektor pekerjaan bagi membolehkan mereka mendapat pendediaan daripada sudut *soft skills*, kemahiran yang mungkin di institusi pengajian tinggi (IPT) tidak dapat terima, tetapi ada permintaan di pihak majikan. Jadi sebab itu kita sediakan program ini buat pertama kali.

Di peringkat Exco, ia sudah diluluskan jadi dalam masa terdekat ini kita akan laksanakan. Peruntukannya lebih kurang RM1.5 juta.

#### KUIS diberi perhatian Kerajaan Negeri

**Bagaimana dengan dakwaan menyatakan Kerajaan Negeri meminggirkan KUIS, seolah-olah UNISEL ini diberikan perhatian lebih daripada segi peruntukan dan sebagainya.**

Tidak juga. Di KUIS kita ada program tahfiz dan sebagainya yang disediakan Kerajaan Negeri. Cuma UNISEL adalah satu-satunya universiti di negeri ini yang konsepnya terbuka untuk semua rakyat. Sudah tentu ia mendapat perhatian lebih daripada sudut itu.

Bagi saya KUIS tidak ketinggalan. Malah bagi saya banyak



program mereka mendapat dokongan daripada Kerajaan Negeri melalui pejabat saya sendiri seperti seminar dan sebagainya.

**Kita lihat UNISEL semakin mendapat perhatian daripada banyak pihak juga ibu bapa yang menyakini UNISEL, jadi untuk tahun akan datang apakah perancangan memantapkan lagi universiti itu?**

Bagi saya kita perlu memberi perhatian kepada kepimpinan universiti dan ini berlaku dengan perantaraan Naib Canselor baru iaitu Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman. Pada masa sama, proses yang ada di universiti itu juga perlu diberi perhatian.

Kita ada jawatankuasa penambahbaikan yang dibentuk dan ada beberapa saranan yang cuba kita guna pakai untuk melihat bagaimana meletakkan UNISEL ini setaraf dengan universiti terbaik di negara kita. Isu infrastruktur, kebijakan dan kelengkapan yang ada di universiti juga perlu mendapat

perhatian daripada pihak Kerajaan Negeri. Kita sedang meneliti perkara itu.

#### Program Pembangunan Modal Insan tingkat jati diri

**Bagaimana pula dengan pembangunan modal insan. Sebelum ini kita ada program SPIES, apakah program selain itu?**

Program ini kita sudah jenamakannya semula dan kita tambah baik. Kita namakannya sebagai program Insan. Kita masih menggunakan asas program SPIES itu secara dasarnya tetapi ia diperelokkan.

Daripada segi pelaksanaan, ia berbeza sedikit. Kita ada kluster remaja, pelajar, mahasiswa, wanita, kumpulan pimpinan komuniti dan sebagainya. Kita pilih mereka dan berikan pendedahan melalui program itu bagi memastikan mereka mendapat pendedahan terbaik daripada sudut modal insan.

Antara fokusnya adalah mahu menjadikan mereka ini

**Kita ada jawatankuasa penambahbaikan yang dibentuk dan ada beberapa saranan yang cuba kita guna pakai untuk melihat bagaimana meletakkan UNISEL ini setaraf dengan universiti terbaik di negara kita.**

rakyat yang berguna, bukan sahaja cemerlang daripada sudut akademik, tetapi kita mahu mereka mempunyai akhlak, etika yang baik dan pemikiran betul. Jadi itu antara penekanan yang diterapkan.

**Apakah harapan YB bagi 2016 dalam melaksanakan agenda di bawah portfolio Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi?**

Besar harapan saya untuk mendapat kejayaan dalam program itu dan kita memberi penekanan khusus kepada program STAMP bagi tahun ini iaitu program Sains, Teknologi, Engineering dan Matematik untuk memberi asas dan kemahiran dalam memberi ilmu pengetahuan kepada anak-anak murid.

Jadi saya harap pada 2016, program ini dapat dijayakan dengan baik beserta program lain dan manfaat kepada pelajar di negeri ini.

Program ini ada beberapa peringkat. Kita bekerjasama dengan UNISEL, kita dedahkan pelajar di peringkat sekolah dalam bidang itu melalui pelbagai cara sama ada robotik dan kelas pengaturcaraan.





OLEH SYED IBRAHIM SYED NOH

Mengangkat martabat rakyat

# Naratif Melayu sebenar – Melayu bermaruah

Saya pernah menulis mengatakan naratif Melayu Umno adalah satu penghinaan iaitu bahawa hanya Umno parti keramat yang boleh membela hak dan keistimewaan orang Melayu.

la satu penghinaan kepada kecerdikan dan kebijaksanaan orang Melayu yang boleh berfikir dan menilai dengan bebas.

Saya percaya makin ramai orang Melayu yang dapat memahaminya kerana punca skandal dan krisis yang tidak berkesudahan datangnya daripada pemimpin Melayu Umno Barisan Nasional (BN).

Mereka dikatakan pembela hak Melayu, mereka juga pengkhianat. Lihat sahaja isu 1MDB, MARA, YaPEIM dan Tabung Haji. Kesemuanya melibatkan pimpinan Melayu Umno BN.

Mereka yang mengurus, mereka jugalah didakwa mengaut untuk kepentingan diri sendiri dan segelintir Melayu. Harapkan pegar, pegar makan padi!

Walaupun mungkin mereka tidak terlibat dari segi pengurusan operasi namun keputusan dasar dan besar sudah pasti dalam pengetahuan mereka. Apatah lagi jika ada implikasi kewangan dan ruang supaya mereka boleh mengaut keuntungan umpama semut menghurung gula.

Ini membawa kita kepada persoalan apakah semua orang Melayu begitu. Jawapan ringkas, tidak.

Saya percaya mereka menjalankan tanggungjawab dan amanah sebaik mungkin kerana mengerti betapa pentingnya institusi Melayu dalam membela kebajikan dan kedudukan Melayu.

Jika institusi yang sepatutnya membela nasib Melayu disalah tadbir, disalah urus atau diselewengkan, maka mereka tahu mereka dicemuh dan dipersoalkan Melayu.

Malah, bagi ramai Melayu yang punyai pegangan Islam yang kuat dan betul, mereka tidak mudah terlibat dengan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa atau kezaliman.

Dilemanya, pimpinan Melayu Umno BN yang mengepalari institusi inilah yang merosakkan keadaan.

Jika begitu, bagaimanakah untuk membela dan menjamin hak Melayu?

Pertama, mereka yang terbukti korup dan tidak amanah wajib dipertanggungjawabkan dan dinyahkan.

Kedua, tanpa membina

**Malah, bagi ramai Melayu yang punyai pegangan Islam yang kuat dan betul, mereka tidak mudah terlibat dengan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa atau kezaliman. Dilemanya, pimpinan Melayu Umno BN yang mengepalari institusi inilah yang merosakkan keadaan**



Syed Ibrahim



cangan secara terperinci dari segi sejarah, Melayu jelas ada kedudukan yang tersendiri dan amat penting dalam mencorakkan politik, sosio-ekonomi dan budaya negara.

## Islam rahmat untuk seluruh alam

Dan teras maruah, martabat dan kekuatan Melayu adalah pegangan kepada Islam itu sendiri. Selagi berpaksi kepada Islam sebagai rahmatan lil 'alamin dan kehidupan, maka selagi itulah Melayu dihormati dan dipercayai malah disegani bukan sahaja oleh Melayu tetapi semua kaum.

Islam itu rahmat bagi semua manusia dan alam serta melindungi kepentingan semua insan tidak mengira agama, bangsa dan budaya atas prinsip keadilan, kebenaran, kebebasan dan keinsanan sejagat.

Orang Melayu Islam penuh yakin dengan diri mereka kerana pegangan Islam dan jati diri maruah peribadi yang utuh manakala bukan Melayu amat menghormati dan memberi kepercayaan kepada Melayu tanpa rasa syak.

Secara tidak langsung, ini sekali gus menangkis naratif Melayu berasaskan perkauman yang selama ini dimomokkan Umno BN.

la membuka lembaran baru terhadap naratif Melayu sebagai umat yang teguh iman, amanah, bertanggungjawab, dihormati dan disegani kaum lain serta tinggi semangat pengorbanan dan perjuangan.

Contoh jelas boleh dilihat ke-

pada sosok peribadi Anwar Ibrahim yang tegar berpegang kepada prinsip melawan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta sanggup dihumbankan ke penjara semata-mata kerana membela nasib Melayu dan rakyat pelbagai kaum.

## Pembangunan berkualiti rakyat dipedulikan dilaksanakan di Selangor

Di Selangor, selari dengan teras pembangunan berkualiti rakyat dipedulikan, Kerajaan Negerinya melaksanakan Skim HJ-RAH untuk membantu usahawan tanpa mengira kaum, agama atau fahaman politik.

Sehingga hujung 2015, seramai hampir 12,000 peniaga mendapat faedah daripada pinjaman berjumlah hampir RM75 juta, sekaligus membela nasib orang Melayu dalam meningkatkan ekonomi mereka.

Kerajaan Selangor juga mengecualikan cukai tak-siran untuk rumah kos rendah, rumah kampung dan fi lesen perniagaan penaja kecil, pasar malam serta pasar tani.

Justeru, penting untuk membela dan menjamin hak Melayu atas kerangka asas betul. Kuatnya pasak Melayu kepada agama maka kuatnya pasak dalam membangun negara yang inklusif, progresif dan maju.

## Tadbir urus berhemah institusi kepentingan Melayu

Politik Melayu hari ini lebih memerlukan tadbir urus lebih

baik berasaskan nilai dan prinsip Islam yang mulia.

Institusi kepentingan Melayu seperti MARA, Tabung Haji dan sebagainya mesti dibela bukan dengan meletakkan kepimpinan Melayu semata-mata dan bukan di atas penindasan kaum lain tetapi berasaskan kepimpinan amanah, berintegriti dan profesional dengan pengalaman tatakelola lebih baik tanpa penyelewengan dan rasuah berleluasa.

Institusi Melayu mendapat penghormatan tinggi kerana pegangan kuatnya kepada prinsip keadilan, ketelusan dan kebenaran yang dikawal selia pemimpin amanah.

Prinsip karamah insaniah (kemuliaan insan) dan litaarafu (saling berkenalan) menggembelng keyakinan baru dalam kalangan umat Melayu dan bumiputera untuk membanterteras sikap perkauman dan membantah dasar meminggirkan golongan lain atas pertimbangan ras.

Rakyat tidak bodoh. Melayu tidak bodoh. Melayu bukan pengikut membabi-butu. Melayu ada harga diri dan maruah. Menebus maruah bukan dengan memijak kepala orang lain, bukan di atas bangsa, kuasa atau harta.

Menebus maruah adalah kesanggupan mempertahankan dan membela sebagai umat Melayu Islam beriman, bertakwa dan berakhlak mulia dari segi kefahaman dan penghayatan.

Syed Ibrahim Syed Noh adalah Ketua Penerangan KEADILAN







Hilang arah tuju

# Shazzwan meraba dalam gelap

OLEH AFEEQA AFEERA

**P**EMILIK nama Muhammad Syazwan Syawaluddin atau Shazzwan kelihatan biasa di mata masyarakat, malah kehidupan semasa awal remajanya normal seperti anak muda lain.

Dikurniakan akal bijak dan tubuh badan sihat, Shazzwan antara pelajar cemerlang dan berkebolehan ketika menuntut di bangku sekolah rendah.

Dibesarkan dengan penuh kasih sayang di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, anak muda itu tidak pernah mendatangkan masalah serius kepada ibu bapanya.

## Identiti sebenar terdedah

Segalanya sempurna sehinggalah dia yang ketika itu berusia 12 tahun ditemukan dengan identiti sebenar dirinya yang selama ini tersimpan rapi dalam lipatan sejarah keluarga.

"Saya mempunyai tabiat suka mengambil wang bapa yang disimpan di dalam tas tangan kerja secara sembunyi, namun hari itu ditakdirkan Allah saya terjumpa satu dokumen ketika membuka beg berkenaan.

"Dokumen itu tertera dua salinan surat beranak yang menunjukkan nama saya, namun

**Saya sangat terkejut dan tidak dapat menerima hakikat kerana rasa dibohongi keluarga angkat, lebih-lebih lagi ibu angkat saya memaklumkan saya ini bukan anak halal**

identiti ibu dan bapa itu adalah berbeza hingga menimbulkan persoalan siapa diri saya sebenarnya," katanya dalam satu temubual eksklusif bersama Selangorkini di kediamannya di Denai Alam.

Tidak berpuas hati terhadap penemuan itu, Shazzwan merujuk kepada kedua ibu bapanya dan menuntut penjelasan berkenaan identiti dirinya.

Desakan demi desakan menyebabkan ibunya terpaksa mengakui bahawa Shazzwan dibesarkan dalam keluarga angkat sejak dari kecil ekoran ibu kandungnya tidak mampu membesarkan beliau.

Katanya, dunia seakan ber-

henti berputar tatkala itu apatah lagi dia dilahirkan sebagai anak tidak sah taraf dan bapa kandungnya seorang banduan.

"Saya sangat terkejut dan tidak dapat menerima hakikat kerana rasa dibohongi keluarga angkat, lebih-lebih lagi ibu angkat saya memaklumkan saya ini bukan anak halal.

"Ketika itu, saya terasa asing dan sedikit demi sedikit mula memberontak serta bersikap kurang sopan kepada keluarga angkat kerana merasakan mereka tidak layak untuk menegur saya," katanya.

## Nekad melarikan diri

Shazzwan berkata, titik hitam hidupnya bermula ketika berusia 15 tahun apabila dia melarikan diri dari rumah ekoran berlaku pergolakan dalam keluarga angkatnya.

Katanya, dia berdepan waktu sukar ketika kedua ibu bapanya dalam proses penceraian dan berlaku pergolakan fizikal hingga mengeluarkan kata-kata tidak sepatutnya.

"Bapa saya mencabar de-

ngan mengarahkan saya keluar dari rumah jika mampu meneruskan kehidupan di luar apatah lagi saya bukan anak mereka.

"Saya sangat kececil hati ketika itu dan nekad melarikan diri dari rumah tanpa sehelai baju dan terus menghubungi 'rakan' yang lebih dewasa untuk menerima tawaran kerja mempromosikan 'barang' mereka," katanya.

Walaupun hanya tinggal di taman permainan di Seksyen 11, Shazzwan berkata, dia tetap bersekolah seperti biasa dan mula mengenal erti hidup, antara kawan dan lawan.

Dia menghabiskan masa lebih tiga minggu di situ dan cuba mengubah dirinya menjadi lebih baik, namun tindakan itu cuma seketika ekoran masalah kewangan dihadapi.

## Cenderung aktiviti gelap

Atas desakan hidup, Shazzwan akhirnya nekad menjual ganja dan mengedar dadah secara aktif di kawasan Chow Kit dan Bukit Bintang, malah

perwataannya juga semakin berubah.

Katanya, beliau beberapa kali dipujuk keluarga angkatnya untuk pulang ke rumah, namun hatinya yang kering dan marah menghalangnya daripada berbuat demikian.

"Saya ada bercakap dengan guru, kalau mahu lihat saya di sekolah, minta keluarga jangan datang ke sini lagi atau saya akan buat hal," katanya.

Shazzwan berkata, ketika itu juga dia sudah aktif melakukan persembahan di parti tertutup dan mengenali beberapa individu berpengaruh yang mendorongnya kepada masalah gejala sosial.

"Saya fikir kena ada duit kerana sampai bila hendak duduk di taman permainan, namun ketika usia 16 tahun kehidupan saya paling ekstrem hingga tidak mengenali diri sendiri.

"Saya hanya pergi sekolah untuk menjalankan bisnes, tetapi bila di luar saya menjadi agen dan kehidupan saya begitu mewah ketika itu," katanya.

Bersambung...

**Bahagian 2: Sesat tanpa arah, mencari sinar kehidupan**

## PROFIL

Nama	MUHAMMAD SYAZWAN SHAWALUDDIN
Tarikh Lahir	29 MEI 1987
Tempat Lahir	KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN
Pekerjaan	PEYANYI RAP, PENULIS LIRIK, KOMPOSER, PENERBIT MUZIK





## Pengecualian cukai taksiran

# Hasil MPSJ tidak terjejas

OLEH SYASYA SUFIAN

**SUBANG JAYA** - Keputusan dasar pengecualian cukai taksiran diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-37 pada 16 Disember 2015 tidak menjejaskan hasil Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Pegawai Komunikasi Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan, berkata selain cukai taksiran

terdapat beberapa kaedah lain yang boleh dilaksanakan bagi menampung kos pendapatan Majlis.

"Ia mungkin menjejaskan sedikit pendapatan Majlis, tetapi itu tidak menjadi masalah apabila difikir daripada sudut positif dan tujuan murni Kerajaan Negeri sendiri untuk membantu meringankan beban rakyat.

"Perancangan Kerajaan Negeri

juga sedikit sebanyak membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) mungkin daripada segi peruntukan tambahan," katanya pada 1 Mac lalu.

Selain itu, katanya tunggakan seperti kompaun dan cukai taksiran tahun lalu yang tidak dibayar penduduk antara salah satu hasil pendapatan untuk menampung kos pengecualian cukai itu.

"Ada penduduk memiliki rumah sewa yang banyak dan mempunyai tunggakan sehingga mencecah RM6,000.

"Orang ramai dinasihatkan menjelaskan tunggakan sebelum tindakan tegas diambil, namun jika terdapat masalah membuat bayaran, penduduk boleh datang untuk pertimbangan supaya isu ini tidak dibawa ke mahkamah," katanya.



## Tiada lagi berhujan, berpanas

**SUBANG JAYA** - Penduduk Subang Jaya khususnya USJ14 dan USJ9 tidak perlu bimbang terhadap perubahan cuaca semasa menunggu bas apabila hentian baru di Persiaran Mulia bersebelahan Surau At-Taqwa, di sini siap dibina.

ADN Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata hentian bas bernilai RM66,936 itu berjaya disiapkan sepenuhnya Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sejak 1 Januari lalu.

"Sebelum ini, pengguna terpaksa menunggu dan berteduh

di bawah pokok walaupun waktu hujan dan panas terik.

"Kini tidak lagi apabila ia siap sepenuhnya sejak mula dibina pada 11 Disember tahun lalu," katanya pada Majlis Pelancaran Gimnasium Luar dan Perhentian Bas Baru di Taman Permainan USJ 14 pada 25 Februari lalu.

Hannah berkata, perkhidmatan Bas Smart Selangor tidak melalui jajaran itu, namun pihaknya bersedia mempertingkatkan suara penduduk terlibat yang inginkan kemudahan berkenaan.

**Sebelum ini, pengguna terpaksa menunggu dan berteduh di bawah pokok walaupun waktu hujan dan panas terik. Kini tidak lagi apabila ia siap sepenuhnya sejak mula dibina pada 11 Disember tahun lalu**

**HANNAH YEOH**  
ADN Subang Jaya

## MBSA terjah tapak projek biak Aedes

**SHAH ALAM** - Tapak pembinaan di Seksyen 7, di sini dikenal pasti berpotensi sebagai lokasi pembiakan nyamuk Aedes oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Sehubungan itu, notis penutupan tiga hari dikeluarkan kepada pemaju supaya kerja pembersihan dijalankan sebelum kebenaran operasi semula diluluskan.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata notis itu adalah tindakan awal dan peringatan supaya pemaju bertindak segera.

"Kita hanya keluarkan notis untuk tujuan itu dan tiada kompaun dikenakan di mana tempoh tiga hari hingga dua minggu diberi bagi kerja pembersihan kawasan.

"Pemeriksaan akan dibuat MBSA selepas itu bagi menentukan tahap kebersihan sebelum



kelulusan operasi semula dikeluarkan," katanya pada 25 Februari lalu.

Pemeriksaan dijalankan MBSA di kawasan projek terbabit

mendapati terdapat 10 tempat iaitu dua di dalam bangunan dan lapan rumah kongsi dikenal pasti menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.

## 27 warga asing tanpa permit ditahan

**SHAH ALAM** - Seramai 27 warga asing tanpa permit ditahan termasuk beberapa pekerja di premis makanan sekitar Subang Jaya bagi membanteras aktiviti itu.

Pegawai Komunikasi Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan, berkata tangkapan itu dilakukan anggota penguat-

kuasa Jabatan Imigresen di USJ 9 dan USJ 10.

"Seramai 20 lelaki dan tujuh wanita warga asing, antaranya dari Myanmar, Indonesia, Bangladesh, Pakistan, Filipina, India dan Nepal ditahan dalam serbuan terbabit.

"Operasi itu dijalankan bagi membanteras warga asing yang

semakin berleluasa di sekitar Subang Jaya dan premis makanan," katanya dalam kenyataan.

Katanya, tindakan juga diambil kepada pengusaha yang melakukan lain-lain kesalahan di bawah Undang-undang kecil (UKK) Perlesenan Establishmen Makanan MPSJ 2007 kepada pengusaha premis makanan.

## Tindakan dua hala tangani sampah

**PETALING JAYA** - Tindakan dua hala antara Majlis Bandaraya Peta-ling Jaya (MBPJ) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) perlu dilakukan bagi mengatasi masalah sampah di Pangsapuri Desa Mentari.

Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor, Dr Fahmi Ngah, berkata ia susulan pengurusan sampah di kawasan itu tidak begitu efisien.

"Apa yang berlaku sekarang isu pengurusan tidak kemas daripada segi JMB dan MBPJ, sementara antara masalah dikenal pasti adalah terdapat longgokan sampah haram dan penggunaan kubu sampah tidak sesuai.

"Selain itu, ia juga termasuk kereta buruk tidak bertuan yang bertahun lamanya ditinggalkan," katanya kepada SelangorKini pada 26 Februari lalu.

Pada masa sama, Fahmi turut menyarankan MBPJ supaya menambah tong roto di kawasan itu selain meningkatkan kekerapan kutipan sampah lebih dua kali seminggu.

Katanya, Kerajaan Negeri akan menyemak dan membuat penstrukturan semula daripada segi kutipan dan pembersihan sampah di seluruh Selangor bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Kita lihat isu itu berlaku disebabkan tong sampah besar cepat penuh dalam tempoh sehari, tetapi dimaklumkan kutipan hanya dilaksanakan dua kali seminggu.

"Mungkin pengurusan kutipan dua kali seminggu itu sejak bertahun lalu, tetapi penduduk kini semakin bertambah dan pembangunan semakin pesat jadi sistem baru lebih efisien perlu dilaksanakan," katanya.





OLEH ERMIZI MUHAMAD

Mantapkan pembangunan generasi muda

# RM500,000 bantu NGO, organisasi belia

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM500,000 diperuntukkan bagi memperkasa pembangunan modal insan dan belia negeri dengan penglibatan pelbagai pertubuhan dan organisasi.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata peruntukan diberikan sebagai komitmen membantu golongan itu membabitkan penganjuran program pembangunan di seluruh negeri.

"Di bawah program pembangunan belia, kita teruskan penggerak belia tempatan (PeBT) sebagai salah satu saluran kita melaksanakan pelbagai program yang mana untuk tahun lepas sahaja lebih 620 program di peringkat akar umbi dan negeri.

"Bagi tahun ini, kita memfokuskan kepada usaha membantu pertubuhan dan organisasi dengan menyediakan bajet sejumlah RM500,000 sebagai geran kepada mereka untuk bersama Kerajaan Negeri menganjurkan program dan aktiviti mereka," katanya kepada SelangorKini pada 29 Februari lalu.

Beliau berkata demikian selepas program minum petang

bersama badan bukan kerajaan (NGO) Selangor di Dewan Jubli Perak di sini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri menyambut baik pelbagai pelaksanaan dan perancangan program yang selari dengan Dasar Belia Selangor.

"Komitmen ini diteruskan dan digabungkan lagi dengan pelbagai program yang dijalankan bersama di peringkat negeri," katanya.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sebelum ini mengumumkan peruntukan belangan sejumlah RM25.08 juta bagi program generasi muda dan sukan.

Jumlah itu meliputi sukan, pendidikan, latihan dan kemahiran, keusahawanan dan pekerjaan, kepimpinan dan organisasi, teknologi maklumat dan komunikasi serta kemasyarakatan, jaringan dan kesukarelawan.



## Futsal medium dekati golongan belia

**AMPANG** - Pertandingan Futsal Piala Iskandar 2015 anjuran Pusat Khidmat DUN Chempaka menjadi medium anak muda melakukan aktiviti berfaedah.

Penganjur, Omar Zambri Mahmud, berkata program itu dijadikan medan anak muda meluangkan waktu pada hari minggu dengan aktiviti sihat selain mengeratkan ukhuwah.

"Aktiviti sebegini dapat mendekati anak muda dan mendidik mereka dengan lebih rasional.

"Justeru, kita sama sekali menyokong usaha Pusat Khidmat DUN Chempaka dan Dewan Pemuda PAS Selangor untuk terus menganjurkan aktiviti sebegini pada akan datang," katanya.

Syarikat Ozz Vampo Sdn Bhd muncul sebagai penaja utama pakaian jersi kepada pemenang utama pertandingan tersebut.

Pengarahnya, Suraya Omar



Zambri, berkata hampir RM13,000 diperuntukkan bagi menyediakan hadiah bermula di peringkat zon.

"Juara bagi Grand Final akan menerima set lengkap jersi daripada syarikat kami bagi setiap kategori iaitu terbuka lelaki, bawah 17 tahun dan bawah 15 tahun.

"Lebih istimewa adalah jersi kami menggunakan

kain berkualiti sesuai untuk ahli sukan serta direka khas corak dan rekaan yang tidak ada di mana-mana kedai," katanya.

Sebelum ini, pertandingan Futsal Piala Iskandar diadakan di enam zon dengan penyertaan 700 pasukan sebelum pusingan akhir pada Grand Final yang diadakan di Sport Planet Ampang.

## Belia ditawarkan ikuti Pengajian Program Diploma Eksekutif

**SHAH ALAM** - Golongan belia berpeluang menyertai Program Diploma Eksekutif Belia dalam kerjaya bagi sesi pemilihan 2017 yang ditanggung Kerajaan Negeri.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata calon berkecualan dipanggil bagi sesi temuduga, sebelum diserap masuk mengikut pengajian tersebut di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Setakat ini kita menawarkan pengajian tersebut kepada 40 pelajar yang mana 27 daripada jumlah itu sedang mengikuti pengajian.

"Kita melihat secara teliti, jika mereka ikut Petunjuk Pretasi Utama (KPI) yang kita tetapkan, kita tanggung pengajian mereka tetapi kalau tidak capai tahap itu, kita

bayar sebahagian saja.

"Jadi untuk tahun depan, kita buka lebih luas dan lebih ramai juga dipanggil untuk ditemuduga dan kita perkasakan lagi program ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program minum petang bersama badan bukan kerajaan (NGO) di Dewan Jubli Perak di sini, pada 29 Februari lalu.

Pada masa sama, beliau berkata, pelajar yang sedang mengikuti pengajian berkenaan kini menerima tawaran daripada Kerajaan Turki bagi lanjutan Pengajian Islam dan Pembudayaan Ummah.

Tawaran terbabit sekali gus membuka ruang kepada golongan belia untuk lebih berdaya saing dengan lebih aktif melalui pendediaan di peringkat tertinggi.

## Lapan keluarga DUN Sungai Pelek terima sumbangan banjir

**SEPANG** - Sebanyak lapan keluarga mangsa banjir Mukim Salak di DUN Sungai Pelek menerima sumbangan RM200 untuk setiap anak berdaftar dengan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).

Sumbangan itu diserahkan sendiri ADN Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan di pejabatnya di Taman Damai, disini.

Salah seorang penerima

sumbangan Rohaizar Abdul Rahman, 41, ketika ditemui SelangorKini mengucapkan terima kasih atas sumbangan diberikan Kerajaan Negeri sebagai tanda prihatin kepada mangsa.

Bapa kepada empat orang anak itu menerima RM600 memandangkan tiga daripada anaknya berdaftar dengan YAWAS.

"Ketika kejadian pulang ke kampung dan selepas pulang sekitar jam 6.30 petang air sudah mula naik. Dalam jam 8.00 malam air naik sepenuhnya.

"Saya hanya sempat selamatkan dokumen penting sementara yang lain mengalami kerosakan," katanya yang tinggal di Taman Desa Merpati.

Bagi Azmi Basri, 45, dari

Kampung Batu Dua Tanjung Emas berkata paras air naik cepat mengakibatkan beliau membuat keputusan segera menyelamatkan keluarga terlebih dahulu meskipun gagal menyelamatkan peralatan rumah.

"Biasanya hujan lebat tidak pernah berlakunya banjir. Tapi pada hari itu air naik dengan

cepat pada waktu malam tambahan ketika itu kami sekeluarga sedang menonton televisyen," katanya yang menerima RM200.

Beliau turut mengakui manfaat besar diberikan skim YAWAS memandangkan sebelum ini anaknya berusia 7 tahun menerima baucar Jom Shopping.





Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MITS)

# Pelaburan besar lahir modal insan cemerlang

OLEH AFIX REDZUAN

**PANDAN** - Selangor komited melahirkan modal insan ber-keterampilan dan berakhlak tinggi untuk mendepani cabaran semasa.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata usaha itu dirancang dengan pembinaan tiga Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MITS).

Katanya, ia antara projek besar diumumkan dalam Belanjawan 2016 dengan peruntukan RM80 juta.

"Pembinaan tiga institusi ini bukan sahaja ingin menjadikan pelajar sebagai huffaz, tetapi mempunyai keterampilan dalam bidang sains dan teknologi serta

penyumbang kepada masyarakat dengan cabaran semasa.

"Ini adalah peruntukan besar diberikan Kerajaan Negeri buat pertama kali selain beberapa peruntukan tambahan membaik pulih maahad tahfiz sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Kenduri Rakyat di Masjid Al-Azim, Pandan Indah.

Katanya, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sedang meneliti konsep pembinaan dan ia dijangka bermula dalam tempoh terdekat.

Dianggarkan setiap maahad tahfiz mampu menampung 500 hingga 1,000 pelajar.

"Semua projek pembangunan perlu diselesaikan dalam

**Pembinaan tiga institusi ini bukan sahaja ingin menjadikan pelajar sebagai huffaz, tetapi mempunyai keterampilan dalam bidang sains dan teknologi serta penyumbang kepada masyarakat**

**MOHAMED AZMIN**  
Menteri Besar

suku tahun pertama termasuk urusan konsep dan tender bagi mengelakkan ia tertangguh serta lewat disiapkan," katanya.

## Tujuh MoA perkasa penyelidikan KUIS - IIIT

**BANDAR SERI PUTRA** - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) memetriai tujuh Perjanjian Pendidikan (MoA) bersama Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) dalam usaha membudayakan penyelidikan dan penulisan lebih berimpak.

Rektornya, Prof Datuk Dr Ab Halim Tamuri, berkata KUIS komited menjayakan projek itu dengan harapan ia membuka pintu kepada kerjasama lain pada masa akan datang.

Katanya, usaha berterusan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KUIS itu amat bermakna dalam usaha menyokong hasrat kolej itu menjadi universiti penuh.

"Saya melahirkan rasa bangga kerana KUIS dipilih menjayakan projek penulisan buku teks ini yang juga akan menjadi bahan rujukan kepada semua universiti dan kolej bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negara," katanya.

Majlis MoA kedua-dua pihak ditandatangani Ab Halim ber-

sama Setiausaha Kehormat IIIT, Prof Dr Omar H Kasul di Hotel Concorde, KLIA baru-baru ini.

Ia disaksikan Pengarah RMC KUIS, Dr Mohd Farid Ravi Abdullah dan Perwakilan Wilayah Timur dan Asia Tenggara IIIT, Datuk Dr Jamil Osman.

Turut hadir, wakil IIIT Jepun, Korea, China, Hong Kong, Cambodia, Filipina, Thailand, Brunei dan Indonesia serta beberapa Felo Penyelidik Kanannya di sekitar Kuala Lumpur.

Daripada tujuh MoA ditandatangani, enam daripadanya adalah bagi penyelidikan dan penulisan buku.

Ia merangkumi Falsafah dan Pemikiran Islam, Falsafah Islam, Pembangunan Potensi Insan, Pengantar Akhlak, Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta Teknologi Maklumat Dalam Kehidupan Insan.

Manakala satu lagi adalah Penganjuran Bengkel meliputi tiga bengkel kerjasama KUIS - IIIT bagi pengukuhan usaha enam penyelidikan dan penulisan buku berkenaan.



## UNISEL-AIA-EES: Kerjasama tembusi pasaran global

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (UNISEL) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Association of Internal Accountants (AIA) dan Education and eLearning Services UK Limited (EES) dalam usaha menembusi pasaran global.

Ia dapat diterjemahkan melalui pertukaran pelajar UNISEL ke universiti di United Kingdom bagi mengikuti program tertentu.

AIA dan EES turut menghan-

tar pelajar mereka melanjutkan pengajian di UNISEL selain ketiga pihak akan bekerjasama dalam sebarang bentuk kajian melibatkan teknologi serta pendidikan.

Majlis MoA disempurnakan Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman bersama Ketua Pegawai Eksekutif AIA, Philip Turnbull dan Ketua Pegawai Eksekutif EES, Maheeb Alam Chatur.

## RM30,000 naik taraf surau tahfiz

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM30,000 disumbangkan Kerajaan Negeri bagi menaik taraf Surau Al-Ukhwah di Taman Desaria, Petaling Jaya yang menjadi pusat pembelajaran tahfiz.

Majlis penyampaian cek diserahkan Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad kepada

surau terbabit pada 26 Februari lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor, Dr Fahmi Ngah dan Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Halimey Abu Bakar.

Sebelum itu, menurut laman Facebook Nik Nazmi, beliau turut menyalurkan sumbangan

kepada warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) anjuran Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor dan AMK Sepang bersama penyelaras Dun Dengkil dan Ketua Cabang PKR Sepang, Borhan Aman Shah.

Sumbangan disampaikan kepada Rumah Pertubuhan Kebajikan Wanita Ikhlas Selangor, Batu 31, Jalan Banting, Dengkil.



Selangor perintis

# Perkenal KPI makmurkan masjid

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SHAH ALAM** - Selangor muncul negeri pertama memperkenalkan sistem penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam usaha memperkasakan masjid.

Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ahmad Zaki Arsad, berkata hasilnya menjadikan masjid di seluruh negeri kini sarat dengan program pengimarahannya dan

pengindahan.

"Walaupun wujud persaingan sehat dalam usaha memakmurkan rumah Allah ini, aspek kepatuhan kepada peraturan juga perlu dititikberatkan.

"Masjid hendaklah dikembalikan fungsi asalnya untuk membentuk, mentarbiah serta menyetujui ummah dan bukannya institusi pencetus perpecahan," katanya pada 25 Februari lalu.

Beliau berkata demikian pada

Majlis Pelantikan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid Negeri Selangor bagi sesi 2016-2018 di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Pada masa sama, Ahmad Zaki berkata, JAIS juga bercadang menganjurkan Program Pertandingan Surau Terbaik peringkat negeri bertujuan meningkatkan mutu dan kualiti pengurusan surau di seluruh Selangor.



## Rujuk teks khutbah MAIS elak bercanggah

**SHAH ALAM** - Masjid di negeri ini disarankan menggunakan teks khutbah Jumaat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi memastikan tiada percanggahan penyebaran fahaman ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ).

Pendakwah bebas, Hafiz Al Bakari, berkata hal itu penting dalam memastikan kesatuan akidah terpelihara demi penyatuan umat.

Katanya, ia sekali gus mengekang cubaan pihak tertentu menyebarkan ajaran bertentangan ASWJ.

"Pemantauan terhadap perkara diragui perlu diberi perhatian dengan membuat aduan atau bantahan contohnya melalui penyebaran wahabiyah," katanya pada Konvensyen Pemantapan Dan Pemerkasaan Pengurusan Masjid Selangor 2016 di Dewan Jubli Perak pada 25 Februari lalu.

Sebelum ini, wujud kebimbangan

yang membabitkan isu terencil di beberapa masjid di Selangor ekoran tidak menggunakan teks bacaan khutbah Jumaat, walaupun ia sudah disediakan MAIS.

Perkara itu dipercayai boleh menimbulkan kekeliruan terhadap butiran kandungannya kepada seluruh jemaah khususnya masyarakat setempat.

Hafiz turut mencadangkan supaya MAIS menyenaraikan beberapa pendakwah atau mengeluarkan ucapan diragui kandungannya.

"Kita boleh mengambil contoh pendekatan diambil beberapa negeri lain yang menyenaraikan penceramah berbahaya ekoran menyampaikan dakwah dan ucapan diragui kesahihannya.

"Cara ini sekarang - kurangnya dapat menyekat pengaruh ajaran tidak selari dengan konteks Islam itu sendiri," katanya.



## MAIS lantik lebih 300 kariah bertauliah

**SHAHALAM** - Lebih 300 kariah membabitkan 411 masjid seliaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima watak pelantikan bagi sesi 2016 hingga 2018.

Pengerusi MAIS, Dato' Setia Mohammad Adzib Mohd Isa, berkata pentauliahannya itu diharap mampu membantu pihaknya mengekalkan fungsi masjid sebagai wadah penyatuan ummah di Selangor.

"Pentauliahannya ini adalah penghormat

matan buat anda sebagai wakil MAIS di peringkat akar umbi untuk mengekalkan fungsi sebenar masjid di Selangor.

"Lantikan ini juga diharap dapat mengekalkan keharmonian dan kesucian Islam bagi tujuan memakmurkan rumah Allah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Konvensyen Pemantapan Dan Pemerkasaan Pengurusan Masjid Selangor 2016 di Dewan Jubli Perak, di sini

pada 25 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Agama Islam, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Yunus Hairi dan Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ahmad Zaki Arsad.

Sehingga kini, MAIS melalui Bahagian Pengurusan Masjid bertanggungjawab menyelia keberkesanan fungsi 6,631 Pegawai dan Jawatankuasa kariah masjid seluruh Selangor.

## Kelab Remaja Masjid tarik belia dekati rumah ibadat

**SABAK BERNAM** - Penubuhan Kelab Remaja Masjid mampu menarik golongan muda mendekati rumah ibadat umat Islam itu, kata Exco Hal Ehwat Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi.

Beliau berkata, sambutan golongan itu untuk mendekati rumah Allah semakin berkurang apatah lagi masjid kini lebih

menjadi tumpuan golongan berusia.

"Perlu ada pemerkasaan dengan menitikberatkan perkara yang perlu jadi kefardhuan khususnya kepada anak-anak muda kerana menjadi trend masjid kini hanya dikunjungi masyarakat agak berumur berbanding mereka yang lebih muda.

"Saya harap seluruh masjid di Selangor boleh menjalankan inisiatif dengan menubuhkan kelab remaja masjid untuk me-

narik golongan muda supaya dirinya atau hatinya lebih dekat dengan masjid," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Perasmian Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) di Masjid Ijtima' Kampung Tebuk Pulau pada 27 Februari lalu.

Yunus berkata, kelab itu juga berfungsi sebagai medium ukhawah dan dakwah kepada golongan muda untuk beribadat dan mendapatkan ilmu.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
4-11 MAC 2016							
24 JAMADILAWAL - 2 JAMADILAKHIR 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsaik	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
04 Jumaat	5:58	6:08	7:22	1:28	4:41	7:28	8:38
05 Sabtu	5:57	6:07	7:22	1:27	4:41	7:28	8:37
06 Ahad	5:57	6:07	7:22	1:27	4:40	7:28	8:37
07 Isnin	5:57	6:07	7:21	1:27	4:39	7:28	8:37
08 Selasa	5:57	6:07	7:21	1:27	4:39	7:28	8:37
09 Rabu	5:56	6:06	7:21	1:27	4:38	7:28	8:37
10 Khamis	5:56	6:06	7:20	1:26	4:37	7:28	8:36
11 Jumaat	5:56	6:06	7:20	1:26	4:37	7:27	8:36

  

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsaik	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
04 Jumaat	6:00	6:10	7:26	1:30	4:43	7:31	8:40
05 Sabtu	6:00	6:10	7:26	1:30	4:43	7:30	8:39
06 Ahad	5:59	6:09	7:25	1:29	4:42	7:30	8:39
07 Isnin	5:59	6:09	7:25	1:29	4:41	7:30	8:39
08 Selasa	5:59	6:09	7:25	1:29	4:41	7:30	8:39
09 Rabu	5:58	6:08	7:24	1:29	4:40	7:30	8:39
10 Khamis	5:58	6:08	7:24	1:28	4:39	7:30	8:39
11 Jumaat	5:58	6:08	7:24	1:28	4:39	7:30	8:38



Lebih setahun Anwar dipenjara

# Ulang tahun perkahwinan disambut sayu

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SEGAMBUT** - Walaupun merayakan ulang tahun perkahwinan bukan kebiasaan bagi Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, namun kali ini ia disambut sayu tanpa suami tercinta.

Bagaimanapun, beliau menganggap ulang tahun perkahwinan ke-36 pada 28 Februari lalu sebagai cabaran sejak mendirikan rumah tangga bersama Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Sebenarnya kami jarang merayakan ulang tahun perkahwinan secara formal, sebaliknya lebih banyak menghabiskan masa untuk perjuangan rakyat berbanding merayakan hari istimewa seperti ulang tahun kami.

"Namun, sudah semestinya pada hari ini saya rasa kehilangan," katanya yang juga Presiden KE-



ADILAN pada program Halaqah Ilmu di kediamannya, di Bukit Segambut pada 25 Februari lalu.

Anwar kini menjalani hukuman penjara selama lima tahun di Penjara Sungai Buloh susulan

kes Fitnah II membabitkan bekas pembantu peribadinya, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Biro Pemahaman dan Peman-tapan Agama (BIPPA), Amidi Abd



Manan menganggap Anwar sebagai pejuang tulen sehingga mewakafkan kehidupan diri dan keluarganya demi perjuangan rakyat.

"Terlalu banyak cabaran dihadapi keluarga ini yang bukan

calang-calang orang boleh hadapinya, tetapi Alhamdulillah usia perkahwinan mereka sudah mencecah 36 tahun.

"Semoga Allah merahmati keluarga ini," katanya.



Daroyah mengibarkan bendera simbolik perasmian program

## RM2.03 juta manfaatkan 21,135 peserta Mammogram

**PETALING JAYA** - Seramai 21,135 wanita seluruh Selangor sudah menikmati manfaat program Mammogram dengan peruntukan RM2.03 juta setakat Disember 2015.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1 juta setiap tahun bagi menyediakan khidmat saringan mammogram secara percuma.

"Daripada jumlah itu, seorang peserta mammogram meninggal dunia akibat kelewatan didiagnosa.

"Ketika itu beliau berada pada tahap tiga kanser payudara dan daripada jumlah ini juga seramai 176 orang dikenal pasti mempunyai tanda kanser.

"Mereka ini dirujuk ke hospital ataupun

pakar untuk rawatan lanjut," katanya pada program Mammogram Selangor 2016 di Padang Desa Mentari 11 pada 28 Februari lalu.

Pada masa sama, Daroyah turut menasihatkan orang ramai supaya menitikberatkan langkah pencegahan sebagai usaha mengelakkan berlakunya kanser.

"Dengan kemudahan dan teknologi perubatan masa kini, kita dapat mencegah kematian awal berlaku serta melakukan rawatan sewajarnya bagi memulihkan kesakitan mahupun penyakit.

"Dan lebih penting mengamalkan gaya hidup sihat, pengambilan makanan seimbang serta berfikir positif supaya dapat di-jauhkan sebarang penyakit," katanya.

## Kadar pemeriksaan saringan Mammogram sehingga RM150

**PETALING JAYA** - Kerajaan Negeri meluluskan penambahbaikan program Skim Kesihatan Wanita (MammoSel) dengan kenaikan kadar pemeriksaan saringan sehingga RM150. Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata ia meningkat berbanding kadar sebelum ini iaitu RM90 bagi setiap peserta.

"Kerajaan Negeri prihatin dengan cabaran semasa pembekal perkhidmatan yang terpaksa berhadapan keadaan ekonomi lemah, kenaikan harga pasaran, pelaksanaan Cukai Barangan

dan Perkhidmatan (GST) serta keperluan menaik taraf teknologi perubatan masa kini.

"Malah lebih penting adalah rakyat mendapat perkhidmatan terbaik dan memuaskan," katanya pada 28 Februari lalu.

Selain itu, katanya, program itu turut ditambah baik dengan keperluan tambahan pemeriksaan susulan melalui *ultrasound* dengan had maksima RM100.

"Ia bergantung kepada keperluan dan nasihat doktor terhadap seseorang pesakit atau peserta MammoSel," katanya.

## MammoSel, tujuh rakan kerjasama hospital bersatu

**PETALING JAYA** - Program Skim Kesihatan Wanita atau MammoSel yang wujud sejak 2010 akan diperluaskan tahun ini membabitkan tujuh rakan kerjasama hospital seluruh Selangor.

Mereka adalah Majlis Kanser Nasional (MAKNA), National Cancer Society Malaysia (NSCM), Columbia Asia Hospital, BP Healthcare, KPJ Hospital, Darul Ehsan Medical Center (DEMC) dan Salam Medical Center.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata inisiatif itu membolehkan wanita menikmati program mammogram percuma secara lebih dekat.

"Kerjasama ini akan memudahkan wanita mendapatkan perkhidmatan lebih dekat dan diharapkan lebih ramai tampil ke hadapan menerima manfaat secara percuma ini.

"Ia sebagai satu langkah pencegahan awal daripada kanser payudara," katanya kepada Selangorkini.

Daroyah berkata, Kerajaan Negeri juga merancang bersama MAKNA untuk membawa trak mamogram ke segenap kawasan mengikut permintaan.

"Kita juga akan melaksanakan program kesedaran supaya wanita ini diberikan ilmu berkenaan perkara ini," katanya.





## 72 pasukan futsal berentap rebut gelaran juara

**AMPANG** - Seramai 720 peserta daripada 72 pasukan berentap merebut gelaran juara dalam Pertandingan Grand Final Futsal Iskandar 2015 di Sport Planet Ampang.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Samad, berkata pertandingan itu terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia dan tidak

terhad di Selangor sahaja.

"Terdapat tiga kategori yang dipertandingkan iaitu terbuka lelaki, bawah 17 tahun dan bawah 15 tahun.

"Bagi kategori terbuka, juara berpeluang memenangi wang tunai bernilai sehingga RM10,000, manakala bawah 17 dan 15 tahun akan membawa pulang RM5,000.

"Diharapkan pertandingan ini

dapat mencungkil bakat baru untuk diketengahkan sehingga ke peringkat antarabangsa," katanya sewaktu pelancaran Grand Final Pertandingan Futsal Piala Iskandar 2015/2016, di sini, pada 28 Februari lalu.

Katanya, pasukan terpilih untuk pertandingan ini adalah empat pasukan yang berjaya ke pusingan akhir sewaktu pertandingan

di peringkat zon iaitu Gombak, Ampang, Bangi, Shah Alam, Subang Jaya dan Klang.

"Sebelum ini lebih 700 pasukan meliputi 7000 peserta daripada enam zon menyertai pertandingan ini bermula 5 Disember 2015 dan berakhir 20 Februari lalu di Gombak.

"Kita akan meneruskan usaha ini sebagai acara tahunan setelah

melihat sambutan menggalakkan daripada peserta dan penganjur," katanya.

Pertandingan Futsal Piala Iskandar adalah anjuran Pusat Khidmat DUN Chempaka dengan kerjasama Dewan Pemuda PAS Selangor, Ozz Vampo Sdn Bhd, Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Sukan (DACs) Selangor dan Youth Empowerment Squard (YES).

## Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia Petronas 2016

# Zaqhwan sedia beri saingan hebat

**SHAH ALAM** - Pelumba Honda, Zaqhwan Zaidi melaungkan bakal memberikan cabaran hebat dalam siri perlumbaan Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia Petronas 2016 kali ini.

Beliau yang memulakan saingan dalam kategori CP130 di litar Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps), Selangor, 12 dan 13 Mac ini menyatakan sudah bersedia bagi menghadapi cabaran daripada pelumba lain.

"Saya sudah cukup bersedia untuk memulakan musim baru ini. Semangat saya berkobar-kobar dan tidak berhenti melakukan latihan sejak saingan musim 2015 berakhir.

"Saya fikir inilah masanya untuk membalas budi

semua mereka yang banyak membantu kerjaya saya. Saya mahu menghadiahkan kemenangan kepada pasukan," kata pelumba Givi Honda Yuzy Racing itu.

Zaqhwan mengakui tidak mengetahui litar Maeps dengan jelas kerana tidak beraksi di situ pada tahun lalu akibat masalah kecederaan, namun beliau gemar bentuknya yang mencabar dan mempunyai banyak selekoh serta laluan lurus panjang yang memerlukan kelebihan kelajuan jentera.

Kedudukan litar itu, katanya, yang berhampiran dengan rumahnya di Semenyih pasti meningkatkan semangatnya untuk memburu kemenangan dengan kehadiran rakan dan keluarga yang memberi sokongan.

Mengulas penarikan dirinya daripada siri perlumbaan Moto2 Kejuaraan Motosikal Dunia pada pertengahan musim tahun lalu, pelumba berusia 21 tahun itu menjelaskan biarpun sukar, namun ia keputusan terbaik dibuat pengurusan pasukan untuk dirinya.

"Sukar untuk saya menjawab soalan ini namun keputusan ini adalah tepat demi masa depan saya sendiri kerana banyak faktor dipertimbangkan, antaranya gaji, pengurusan, perancangan pasukan dan lain-lain.

"Ada yang menyebut saya meninggalkan Moto2 kerana faktor



kewangan dan saya tidak nafikan ia antara salah satu penyebabnya.

"Bukan mudah untuk berada di luar negara tanpa sumber kewangan yang kukuh dan saya tidak mahu hanya kerana mengejar nama, diri saya tidak bahagia," katanya yang mengumumkan menarik diri daripada saingan berprestij itu selepas beraksi kali terakhir di Litar Mugello Grand Prix Itali.

Zaqhwan berkata, dengan faktor usia masih muda memihak dirinya, beliau yakin pasukan mempunyai perancangan baik bagi masa depannya.

Beliau menganggap ia keputusan tepat untuk kembali ke pentas kejuaraan Cub Prix Malaysia dan Kejuaraan Motosikal Asia (ARRC).

Beliau turut berterima kasih kepada mentornya, Shahrol Yuzy Ahmad Zaini dan pasukan Givi Honda Yuzy Racing dan pengurusan Musashi Boon Siew Honda Racing yang banyak membantu serta meletakkan kepercayaan terhadap dirinya.

Selepas meninggalkan siri perlumbaan Moto2, Zaqhwan menghadapi sedikit kesukaran dalam saingan namun akhirnya muncul juara dalam perlumbaan terakhir Kejuaraan Cub Prix di Pasir Gudang, Johor tahun lalu.

Zaqhwan mencatat kejuaraan berganda apabila dinobatkan selaku juara keseluruhan CP130 Kejuaraan Cub Prix Malaysia dan SuperSports 600cc ARRC pada 2014.

**Semangat saya berkobar-kobar dan tidak berhenti melakukan latihan sejak saingan musim 2015 berakhir. Saya fikir inilah masanya untuk membalas budi semua mereka yang banyak membantu kerjaya saya**

**ZAQHWAN ZAIDI**  
Pelumba Honda





Dengan Kerjasama:



**Cub Prix PUSINGAN 1**  
Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS  
**Litar MAEPS, Serdang (Tapak MAHA)**  
**12-13 Mac 2016**  
**Masuk Percuma!**

[www.malayiascupprix.com](http://www.malayiascupprix.com)
[facebook.com/MalaysiaCubPrix](https://www.facebook.com/MalaysiaCubPrix)
[youtube.com/maeps](https://www.youtube.com/maeps)





## PIALA SULTAN SELANGOR 2016

# SELANGOR AZAM PERTAHAN JUARA

OLEH LIZAWATI MADFA

**KUALA LUMPUR** - Pasukan Pilihan Selangor berazam mengekalkan Piala Sultan Selangor 2016, kata jurulatihnya, Zainal Abidin Hassan.

Zainal berkata, kepadatan jadual perlawanan Gergasi Merah tidak mengganggu fokus pasukan itu menentang Pasukan Pilihan Singapura pada 7 Mei nanti.

"Selain beberapa pemain Selangor, kita juga bakal memanggil beberapa pemain lain daripada pasukan di bawah bendera Selangor seperti PKNS FC.

"Dengan strategi taktikal dan barisan pemain terbaik, saya pasti kita akan memberi saingan sengit kepada sang singa," katanya dalam sidang media di Balai Berita Media Prima di sini, pada 1 Mac lalu.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis menandatangani hak penyiaran Piala Sultan Selangor 2016 di antara Ketua Pegawai

Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima, Datuk Kamal Khalid dan Pengerusi Penganjur, Tan Sri Abdul Karim Munisar.

Mula diperkenalkan pada 2001 dengan nama Piala Pemangku Raja Selangor, penganjurannya dibatalkan pada Oktober 2015 ekoran masalah jerebu.

Perlawanan Piala Sultan Selangor kebiasaannya dimulakan dengan aksi veteran Selangor dan veteran Singapura, diikuti perlawanan utama antara Pilihan Selangor menentang Pilihan Singapura.

Untuk rekod, Pilihan Selangor muncul juara tujuh kali iaitu pada 2001, 2003, 2005, 2008, 2012, 2013 dan 2014 manakala Pilihan Singapura pula muncul juara sebanyak lima kali iaitu pada 2006, 2007, 2009, 2010 dan 2011.

Kedua pasukan muncul juara bersama pada edisi 2004 di Stadium Nasional Kallang, Singapura selepas perlawanan berkesudahan dengan 2-2.

## KEDUDUKAN LIGA SUPER

Kedudukan terkini 1 Mac 2016

	P	MT	M	S	K	J	B	+/-
1 Selangor FA	4	10	3	1	0	0	4	5
2 Darul Takzim	4	10	3	1	0	7	2	5
3 Felha United	4	9	3	0	1	7	3	4
4 Kedah FA	4	7	2	1	1	3	3	0
5 Terengganu FA	4	6	2	0	2	3	4	-1
6 Penang FA	4	5	1	2	1	7	5	2
7 Kelantan FA	4	5	1	2	1	4	4	0
8 PDWM FA	4	5	1	2	1	4	4	0
9 Perak FA	4	3	0	3	1	1	2	-1
10 PSOKT T-Team	4	2	0	2	2	3	7	-4
11 Sarawak FA	4	1	0	1	3	5	9	-4
12 Pahang FA	4	1	0	1	3	5	11	-6



## Kekalkan rentak kemenangan

OLEH AFIX REDZUAN

**KUANTAN** - The Red Giants perlu bangkit segera mengatasi masalah kegoyahan di peringkat awal permainan untuk mengekalkan momentum kemenangan.

Pengurus Pasukan Selangor, Amirudin Shari, bagaimanapun memuji semangat kebangkitan dipamerkan skuad merah kuning ketika menentang Pahang meskipun ketinggalan pada awal permainan.

"Saya melihat corak (kebangkitan) permainan begitu dalam pasukan Selangor.

"Alhamdulillah, kita mengekalkan momentum, cuma seperti biasa saya ingatkan pemain sentiasa fokus kepada permainan dan akhirnya kita dapat mengatasi

kegoyangan di peringkat awal," katanya kepada SukanKini.

Mengulas berkenaan jadual perlawanan padat, beliau berkata, jumlah pemain sedia ada mampu digunakan sebaik mungkin bagi mengelakkan keletihan.

"Masih ada lapisan pemain seimbang dalam kalangan kita musim ini dan saya percaya masih terkawal," katanya.

Jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan, memuji semangat jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan, memuji semangat semua pemain keseluruhan khususnya empat bekas tonggak Pahang yang beraksi cemerlang membantu kemenangan selesa Red Giants.

Katanya, kesemua mereka diturunkan seperti biasa sebagai strategi penggantian pemain memandangkan ada antara mereka

yang sudah pulih daripada kecederaan.

Empat pemain berkenaan adalah Mohd Khairul Azhan selaku penjaga gol, Mohd Razman Roslan bertindak sebagai Ketua Pasukan, Mohd Hafiz Kamal dan R Gopinathan.

Pada masa sama, beliau turut memuji persembahan mantap dan konsisten ditunjukkan penyerang, Patrick Ronaldinho Wleh selepas menjaringkan gol sekali lagi dalam perlawanan itu.

Zainal berkata, beliau kini sedang memantau keadaan pemain supaya mendapat rehat secukupnya memandangkan Selangor berhadapan jadual perlawanan padat di peringkat domestik dan antarabangsa.

